

Jilid I
Bil. 9



Hari Isnin
20hb Disember, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGGANGKAT SUMPAH:

Puan Nen Abidah binti Abdullah [Ruangan 821]

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:

Mengalu-alukan Ahli baru [Ruangan 821]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 821]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 855]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN
NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH,
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,
D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.
(Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K.,
J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S.,
B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 20hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Puan Nen Abidah binti Abdullah.

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga beliau dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI PER-
TANYAAN-PERTANYAAN

SISTEM BAYARAN BIL SETEMPAT

1. Dato' Chin Kim Yoong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan pusat perkhidmatan bersekutu untuk kemudahan membayar bil-bil air, elektrik dan

cukai tanah di kompleks Jabatan Kerajaan di bandar-bandar seperti Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain sama seperti yang diadakan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya bagi kemudahan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan orangramai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yand di-Pertua, Sistem Bayaran Bil Setempat, atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, One-stop Payment Centre telah diperkenalkan sebagai satu experiment di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya pada 1hb Oktober yang lalu. Dengan cara ini orang ramai boleh membayar beberapa bil mereka di suatu tempat sahaja dan tidak perlu lagi berulang-alik dari satu pejabat yang lain. Di bawah sistem ini terdapat sebanyak 65 pusat bayaran bil setempat yang terdiri dari semua Pejabat-pejabat Pos, Lembaga Letrik Negara, Telekom. Bekalan Air, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Dari maklum-balas yang diterima daripada orang ramai adalah didapati bahawa sistem ini telah disambut baik oleh pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya. Berdasarkan kepada kejayaan experiment ini di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya, Kerajaan ingin mengumumkan bahawa ia telah pada prinsipnya memutuskan untuk melaksanakan Sistem Bayaran Bil Setempat di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak mulai dari 1hb Januari, 1983.

Agensi-agensi yang akan menyertai sistem baru ini ialah semua Pejabat-pejabat Pos, Lembaga Letrik Negara, Telekom, Jabatan Bekalan Air Majlis-majlis Perbandaran dan beberapa Majlis Daerah. Dengan ini orang ramai di bandar-bandar besar dan kecil akan boleh menjelaskan bil-bil agensi-agensi tersebut di mana-mana satu pusat bayaran yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Lebihkurang 800 pusat-pusat Bayaran Bil Setempat akan memberi perkhidmatan di seluruh negara.

Butir-butir akan diumumkan kemudian melalui radio dan TV dan poster-poster Kerajaan. Sistem ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan untuk membawa perubahan kepada jentera pentadbiran Kerajaan. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan di bawah pimpinan 2M untuk membaharui sistem dan procedure pentadbiran seperti penggunaan kad perakam waktu, penggunaan tanda nama dan pengenalan konsep pejabat terbuka.

Sistem Bayaran Bil Setempat ini dijangka akan memberi kemudahan kepada berjuta-juta pengguna dengan cara menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Dato', bayaran cukai tanah belum lagi dapat dibuat di Pusat-pusat Bayaran Bil Setempat itu kerana Pejabat-pejabat Tanah belum lagi mengeluarkan bil-bil mereka seperti Jabatan Telekom, Jabatan Bekalan Air, Lembaga Letrik Negara dan sebagainya. Ini hanya boleh dibuat sesudah rekod Pejabat-pejabat Tanah dilengkapkan dan bil-bil dapat dikeluarkan oleh pejabat berkenaan. Perkara ini sedang dikaji dan sistem Bayaran ini Setempat ini akan diperluaskan lagi untuk meliputi berbagai-bagai bil yang lain yang didapati sesuai.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Hasil-hasil negara perlu dipungut dengan tidak menyusahkan rakyat dan membebaskan mereka dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain seperti naik kenderaan untuk membayar bil-bil ini. Pada pendapat saya bank-bank di negara kita boleh ambil peranan untuk memungut bil-bil ini bagi pihak Kerajaan.

Pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah aturan dibuat dengan bank-bank di negara ini untuk memungut bil-bil yang dihantar oleh Kerajaan sebagai hasil negara?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menggunakan bank-bank untuk menerima bayaran bil-bil. Walau bagaimanapun, pendapat Ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian.

KURIKULUM PELAJARAN VOKASIONAL

2. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa sukatan pelajaran bagi sekolah-sekolah vokasional adalah terlalu mementingkan peperiksaan dan tidak mengarah untuk memenuhi keperluan tenaga rakyat; dan
- (b) sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk memperkemas-kinikan serta mengorientasikan semula sukatan pelajaran di sekolah-sekolah vokasional.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, (a) adalah tidak benar yang Kementerian Pelajaran cuma mementingkan peperiksaan dan tidak memberi perhatian kepada latihan murid-murid untuk memenuhi keperluan tenaga pekerja mahir.

Walaupun demikian, peperiksaan adalah perlu untuk menilai pencapaian murid-murid dalam latihan mereka. Sebagai sebuah institusi pendidikan Sekolah Menengah Vokasional ditubuhkan adalah bertujuan untuk memenuhi 2 matlamat. Pertama, untuk memberikan pendidikan asas. Kedua, untuk memberi latihan dalam beberapa kemahiran vokasional.

Untuk menjawab soalan bahagian (b) Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sentiasa dari masa ke semasa menilai dan mengkaji semula Kurikulum Pelajaran Vokasional supaya ia selari dengan kemahuan pihak industri di negara kita.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Satu matapelajaran yang amat mustahak sekali masa ini ialah matapelajaran Komputer Sains. Negara kita kebelakangan bila kita berkembang dalam ekonomi kita; kita tidak mahu negara kita ketinggalan seperti negara-negara pertanian di masa revolusi industri 200-300 tahun dahulu. Sekarang revolusinya ialah Komputer Sains.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada matapelajaran komputer ini boleh diajar di Sekolah Vokasional, Sekolah Menengah ataupun di Sekolah Tinggi.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, kursus untuk Komputer Sains, baikpun di peringkat data processing ataupun di peringkat programmer atau di lain-lain peringkat dalam matapelajaran Komputer Sains sekarang diberi perhatian di dalam Kementerian Pelajaran, dan selepas satu kajian dibuat, kita akan memulakan melalui beberapa peringkat memberikan peluang untuk pelajar-pelajar kita mendapat pendidikan di dalam bidang komputer ini.

SYARIKAT PERDAGANGAN SOGOSHOSHA

3. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tentang kemajuan cadangan Kerajaan terhadap pembentukan syarikat bercorak "sogoshosha" dan sama ada sebarang pengkajian dilaksanakan mengenai syarikat-syarikat bercorak begini dan kesuaiannya dalam konteks pembangunan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan syarikat-syarikat perdagangan Malaysia bercorak "Sogoshosha" adalah di peringkat pelaksanaannya. Setakat ini dua buah syarikat secara usahasama telah pun memulakan operasinya dan sebanyak dua atau tiga lagi syarikat usahasama seumpama itu masih di dalam peringkat kajian lanjut untuk pelancarannya. Kemajuan ini mencerminkan dengan jelasnya atas kesediaan sektor swasta menyahut seruan Kerajaan untuk mewujudkan sistem perdagangan luar yang lebih meluas bagi Malaysia meningkatkan eksportnya dengan berkesan di seluruh dunia. Lebih khusus lagi, Syarikat-syarikat ini adalah dijangka akan dapat bertindak sebagai "catalyst" bagi Kerajaan untuk mempercepatkan usaha-usaha galakan eksport dan palaburan asing di Malaysia termasuk eksport barang-barang keluaran industri kecil dan sederhana.

Dilihat dari sudut kepentingan negara, adalah tidak memadai bagi barang-barang eksport kita boleh bersaing dari segi harga dengan barang-barang keluaran asing. Usaha hendaklah dibuat supaya barang-barang tersebut mendapat pasaran melalui kegiatan pemasaran yang berkesan. Penubuhan syarikat-syarikat perdagangan Malaysia itu

adalah dikaji secara terperinci oleh Kerajaan dengan kerjasama pihak-pihak swasta dan didapati "viable". Ini terbukti dengan penubuhan dua buah syarikat setakat ini. Penubuhan syarikat-syarikat ini telah juga menarik minat orang ramai.

Walaupun, penubuhan institusi-institusi ini adalah berdasarkan kepada "Sogoshosha" Jepun yang telah begitu berjaya, tetapi, kewujudan "Sogoshosha" Malaysia akan memakan masa, "Sogoshosha" Malaysia nanti akan mempunyai bentuk dan ciri-ciri yang tidak semestinya mengikut bentuk dan ciri-ciri "Sogoshosha" Jepun. Kerajaan yakin syarikat-syarikat "Sogoshosha" Malaysia itu akan berkembang dan dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan lagi bagi mencapai kepentingan negara.

HARGA GULA DI PASARAN

4. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa harga gula dunia naik harga pasaran gula naik serta-merta tetapi bila harga pasaran gula turun harga pasaran runcit baik di tahap yang tinggi dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil supaya rakyat jelata dapat membeli gula dengan harga yang lebih murah.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, harga gula bertapis di negara ini tidaklah semata-mata bergantung kepada harga gula dunia tetapi adalah berasaskan tiga faktor utama, iaitu:

- (a) harga gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangka panjang;
- (b) harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia; dan

- (c) kos pengeluaran dan pengedaran gula oleh syarikat-syarikat gula tempatan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sejak tahun 1972, gula mentah dari ladang-ladang tebu tempatan mulia diproses tetapi sehingga ini pengeluarannya hanyalah lebih kurang 10% daripada keperluan negara. Dengan itu 90% daripada keperluan negara adalah diimport. Sekiranya semua gula yang diimport dibeli dari pasaran dunia, harga runcit gula tempatan akan berubah mengikut turun naik (fluctuation) harga gula di pasaran dunia.

Dengan sebab itu mulai tahun 1975 bekalan gula mentah telah diperolehi melalui kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji, bertujuan untuk mendapatkan bekalan gula yang mencukupi untuk keperluan negara dan juga untuk menstabilkan harga. Ini dibuktikan semasa tempoh bulan Oktober, 1980 hingga ke bulan Jun, 1981 pada mana harga runcit, jika berasaskan hanya kepada harga gula di pasaran dunia ialah di dalam lingkungan \$1.24 hingga \$1.55 sekati atau \$2.05 hingga ke \$2.56 sekilogram, manakala harga runcit yang telah diluluskan oleh Kerajaan telah berkekalan pada paras harga 75 sen sekati atau \$1.24 sekilogram. Ini menunjukkan bahawa semasa harga gula dunia tinggi kita mendapat manfaat dari kontrak-kontrak jangkapanjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekesanan penurunan atau kenaikan harga gula dunia ke atas harga runcit gula bertapis tempatan adalah terpulang kepada bahagian (portion) gula mentah yang diimport dari pasaran dunia. Jumlah gula mentah yang diimport dari pasaran dunia bergantung kepada anggaran penggunaan gula mentah di

dalam negeri setelah ditolak pengeluaran gula mentah dari ladang-ladang tebu tempatan, gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangkapanjang dan stok gula di syarikat-syarikat gula tempatan.

Harga runcit gula tempatan bagi tahun 1982 adalah berasaskan pada sebahagian besarnya kepada harga gula mentah yang tinggi di bawah kontrak-kontrak jangkapanjang dan juga harga gula mentah yang diperolehi dari pasaran dunia semasa harganya masih tinggi. Oleh kerana itulah harga runcit gula tempatan bagi tahun 1982 tidak dapat diturunkan mengikut paras harga yang rendah di pasaran dunia pada masa ini kerana syarikat-syarikat gula tempatan tidak boleh mengambil kesempatan membeli gula mentah dari pasaran dunia pada paras harga yang rendah itu.

Kementerian saya sedang mengulangkaji harga bagi tahun 1983 dan akan berusaha seberapa yang boleh untuk memperseimbangkan harga runcit gula tempatan dengan harga pasaran dunia semasa.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Gula tempatan hanya 10% sahaja mengikut Yang Berhormat Menteri dan kita menggunakan gula daripada luar 90%. Saya suka bertanya kita rasa sudah banyak tahun kita telah berusaha dalam negeri ini mencuba berkenaan dengan menanam tebu bagi mendapat gula. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan perusahaan kita sudah gagal atau mengikut iklim Malaysia bukan tempat menanam gula. Maka sehingga sekarang hanya 10%, padahal usaha habis-habisan telah dibuat oleh beberapa syarikat dalam negeri ini.

Bolehkah Yang Berhormat memberi faham kepada Dewan ini

bahawa usaha menanam tebu dalam negeri ini tidak berjaya disebabkan oleh iklim tidak sesuai atau lain-lain perkara yang menyabitkan keadaan yang demikian.

Nombor dua saya suka bertanya fasal mesyuarat di Australia. Dahulu dalam Majlis ini juga kita telah berbincang fasal keadaan harga gula yang diambil daripada Australia, kita mendesak Menteri yang berkenaan supaya berpakat balik dengan Australia supaya dapat dalam masa jangkapanjang mengurangkan sedikit harga-harga supaya berpatutan demi kebaikan seluruh rakyat jelata yang gula adalah satu makanan hari-hari yang tidak boleh dipisahkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri tahu pada masa sekarang dalam mesyuarat kita dengan Australia dan Australian telah memberi sedikit kemudahan dan menurunkan harga daripada biasa, istimewa pula di negara kita memang mengambil gula daripada dia sepanjang masa. Dapatkah kita tahu sekarang sudah turun berapa dan bagaimana perjanjian baru ini. Begitu juga dengan Fiji. Saya cukup suka sebab dalam dunia ini Russia pun banyak gula. Tatapi saya nampak kita ambil negeri dekat kita sahaja Australia, Fiji. Bagus, asalkan dapat murah, itu yang kedua. Saya pun bercakap panjang, Yang Berhormat Menteri pun bercakap panjang, saya susah hendak tangkap.

Yang ketiga, saya hendak bertanya pada dasarnya Kementerian kita yang akan datang adakah kita berserah bulat kepada Australia dan Fiji ataupun sebenarnya kita sekarang meyakinkan dalam negeri kita cukup boleh kita dapat gula dalam masa walaupun tidak menjangkau 5 tahun atau 3 tahun yang ke hadapan kalau kita usahakan sepenuh sesungguhnya. Kita sekarang mendesak kepada Australia, kontrak ini akan memakan

masa sampai tahun 1984, ada dua tahun lagi. Yang satu lagi mulanya akan habis tahun 1983 tetapi kegunaan gula telah turun, kita ada shipment yang telah deferred. Kita extend sampai 1984 dan kitapun dalam perbincangan mengkaji kontrak baru dan dengan itu Australia pun ada harapan kita menjalankan satu kontrak baru. Dengan itu dia ada minat kalau kita minta pada tahun 1983-1984 yang mana harga gula telah terikat; kita barangkali boleh ubahsuai harga sekarang yang ada di paras harga pasaran dunia.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, memang satu alasan atau faktor yang besar yang mana menanam gula di Malaysia ini tidak berapa berjaya ialah iklim Malaysia tidak sesuai. Kalau kita banding dengan negara-negara yang mengeluarkan gula yang begitu banyak seperti Taiwan, Filipina, Thailand ini semua dalam satu kawasan yang dikatakan "sugar belt" tetapi Malaysia keluar daripada "sugar belt". Oleh kerana gula mustahak satu musim yang kering atau panas supaya kita dapat gula yang begitu banyak "sugar content" saya rasa ini satu faktor, tetapi ada juga faktor-faktor yang lain seperti pengurusan yang tidak begitu baik dan sebagainya. Kita cuma sekarang ada tiga kilang gula mentah yang diintegrated dan dalam ini cuma satu sahaja saya rasa ada keuntungan. Oleh kerana itu kita cuma boleh membekalkan 10% daripada kehendak Malaysia daripada gula tempatan.

Bagi jawapan soalan yang kedua, kontrak jangka panjang yang kita ada dengan Australia dan Fiji telah beberapa lama kita ada mulai daripada tahun 1973. Ada masa kita mendapat keuntungan daripada syarat-syarat khususnya harga yang tertakluk di

bawah kontrak jangka panjang itu dan juga ada masa yang kita rugi yang mana kalau kita masuk kontrak dengan harga yang tetap, tetapi harga di pasaran dunia turun kita rugi seperti tahun ini 1982. Bagi tahun ini buat anggaran kita akan rugi tidak kurang daripada \$80 juta. Kalau kita tidak ada kontrak, kita boleh beli dari luar negeri, kita tidak boleh rugi. Tetapi dalam satu tahun 1974 kita untung \$167 juta, cuma satu tahun sahaja, tahun 1974 dan tahun 1980 kita untung \$153 juta, jadi ada pros and.

Seperti saya katakan di jawapan saya tadi kita akan mengulang kaji harga ini dan dengan seberapa usaha yang boleh kita berunding dengan Australia dan Fiji untuk mencapai satu harga yang kita harap boleh memperseimbangkan dengan harga yang kita sudah tandatangani dalam kontrak dan apa yang kita tahu berlaku sekarang di pasaran dunia.

Bagi soalan yang ketiga, iaitu dasar. Mengenai masalah dasar, memang kalau negara kita sendiri boleh tanam tebu, boleh mengeluarkan gula seperti Taiwan, Filipina dan Thailand. Ini adalah satu dasar yang baik, tetapi ini telah dibuktikan yang kita tidak berjaya, jadi kita mesti bergantung sebahagian besar atau 90% daripada keperluan negara atas pengimportan gula mentah yang mana kita proses gula mentah ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja saya hendak bertanya. Hanya ada tiga kilang gula di dalam Malaysia tanahair kita yang kita kasihi ini. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan apa nama ketiga-tiga kilang itu, dan yang kedua hanya satu sahaja kilang itu yang untung. Apa nama kilang yang untung itu?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat itu ada saham atau tidak dalam syarikat-syarikat itu. Tetapi saya rasa tidak berapa sesuai kalau saya kata nama syarikat itu rugi kerana setengah-setengah syarikat tidak mahu beritahu secara umum. Tiga syarikat yang menanam tebu yang dikatakan syarikat gula itu ialah berintegrasi iaitu satu di Kedah, satu di Perlis dan satu di Perak. Cuma yang untungnya ialah di Perlis. Itu saya rasa Yang Berhormat boleh fahamlah.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu tentang harga gula ini. Baru-baru ini ada tersiar dalam surat khabar yang menyatakan harga gula akan turun pada tahun hadapan iaitu tahun 1983. Di sini saya ingin tahu daripada Yang Berhormat yang berkenaan sama ada ini benar akan ramalan yang disiarkan oleh surat khabar itu untuk pengetahuan rakyat.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dikatakan speculation daripada surat khabar. Kita belum memutuskan, apakah harga yang akan berlaku pada masa hadapan, tetapi saya rasa banyak pemberita-pemberita itu sendiri buat speculation oleh kerana kita kata harga gula mentah di pasaran dunia tahun ini terlalu rendah dan kita ulangkaji, jadi mereka sendiri yang buat speculation.

PERKHIDMATAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

5. Dato' Yap Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sekarang dan apa tindakan beliau akan ambil untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya perkhidmatan yang sedang diuruskan di Terminal II Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah memuaskan. Perkhidmatan yang ada itu adalah untuk sementara sebelum siapnya bangunan Terminal I yang sedang diperbaiki dan diperbesarkan. Segala peralatan yang ada sekarang di Terminal II adalah mencukupi bagi menjalankan operasi dengan licin untuk memberi keselesaan kepada penumpang-penumpang.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerja-kerja pembesaran dan pembaikan Lapangan Terbang Subang sedang giat dilaksanakan. Segala kerja-kerja memperbaiki Bangunan Terminal I dijangka dapat disiapkan pada bulan Jun 1983. Dengan penggunaan semula bangunan terminal I kelak, taraf perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan selesa. Kemudahan-kemudahan baru yang akan dapat dinikmati di Bangunan Terminal tersebut adalah hawa dingin di seluruh bahagian dalam bangunan, alat-alat "nose loaders" dan "travelator", balai berlepas dan balai tiba yang luasnya lebih dua kali ganda. Ruang bagi kedai-kedai dan restoran juga adalah lebih luas dan selesa. Jalan utama menuju ke lapangan terbang akan diperbesarkan untuk menjadikannya sebagai "dual carriageway" dan kerja-kerja ini dijangka akan siap pada bulan Mei, 1983. Di samping itu, kerja-kerja untuk menambah padang letak kereta juga sedang dijalankan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika kita kaji lapangan terbang antarabangsa di negara-negara lain kita dapati bahawa Terminal atau pun Balai Pergi dan Balai Tiba selalunya diasingkan sama

ada di bangunan yang pertama untuk yang pergi dan bangunan yang kedua untuk yang datang, supaya gerombolan penumpang-penumpang tidak bercampur gaul maka ini timbul perkara keselamatan, rasuah, dan juga kecekapan perkhidmatan itu tidak boleh dijalankan dengan secara baik kerana percampur-gaulan antara yang tiba dengan yang pergi di situ juga iaitu di dalam Balai itu juga. Ada pula bila ada satu bangunan sahaja, di negara lain, bangunan itu dibahagi, di atas untuk yang pergi sahaja, di bawah untuk yang tiba sahaja. Jadi tidak bercampur gaul. Saya nampak di lapangan terbang kita ini tidak begitu.

Jadi, pertanyaan saya, adakah rancangan Kerajaan akan membuat cara Balai Tiba dan Balai Pergi macam saya katakan tadi.

Yang kedua, kemudahan untuk letak kereta. Selalunya saya lihat di luar negeri ada bangunan-bangunan ataupun kawasan untuk penumpang-penumpang yang pergi kerja satu hari atau dua hari ke luar negeri atau keluar kawasan itu dapat menyimpan kereta di bawah teduhan, dijaga dan dibayar wang untuk perkhidmatan itu. Maknanya kereta itu boleh disimpan di situ sampai dia balik. Sama ada Kerajaan boleh membuat bekalan semacam ini di lapangan terbang kita.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan untuk bangunan Terminal I penumpang-penumpang tiba dan penumpang-penumpang berlepas akan diasingkan. Dan Balai-balai akan disediakan untuk penumpang-penumpang yang tiba dan penumpang-penumpang yang berlepas.

Berkenaan dengan tapak letak kereta, kemudahan ini akan diadakan dengan bayaran.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Soalan tambahan. Apabila lapangan terbang Subang, Terminal I itu dibuat dalam tahun 60an ramai Ahli-ahli Dewan Rakyat pada masa itu menyatakan lapangan terbang Subang kita macam lapangan terbang Nairobi, Afrika. Dan pada masa itu Tan Sri Sardon Jubir menjadi Menteri Pengangkutan. Saya ingat Yang Berhormat Menteri pun terdengar juga sungutan pada masa itu. Adakah bila siap lapangan terbang kita yang baru, setakat mana standard kita, adakah serupa dengan Heathrow, Jeddah atau Jepun seperti mana yang kita bandingkan, kalau siap semua sekali rancangan ini ataupun lebih sedikit daripada sekarang.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, ukuran besarnya sesuatu lapangan terbang ialah mengikut penumpang-penumpang yang menggunakan lapangan terbang itu tiap-tiap satu jam. Jikalau siap Terminal I lapangan terbang Subang, penumpang-penumpang dapat dihandle atau dapat digunakan dalam satu jam adalah 1,600 penumpang.

PERSATUAN UBAT TRADISIONAL

6. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan memberi bantuan kepada persatuan-persatuan ubat tradisional, dan jika ada, apa jenis bantuan; dan jika tidak apa sebabnya.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persatuan-persatuan ubat tradisional, seperti juga persatuan-persatuan dalam pihak swasta yang lain ditubuhkan untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya. Oleh hal yang demikian, tidak menjadi dasar supaya bantuan diberikan kepada persatuan-persatuan seperti ini secara langsung oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, amalan perubatan tradisional di negara ini sama ada tradisional Melayu, China, India ataupun lain-lain, boleh terus diamalkan di bawah Seksyen 34 (1) Akta Perubatan 1971. Persatuan-persatuan perubatan, sepertimana persatuan-persatuan yang lain jua harus didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Mengenai ubat tradisional ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya Kementerian yang berkenaan mengkaji dengan segeranya sebab pada pendapat saya ada beberapa perkara yang sangat berguna kepada negara kita. Misalnya, saya beri satu contoh di tempat saya di sebelah Kuala Kangsar sana, Hospital Taiping dan Hospital Kuala Kangsar juga terpaksa memanggil tukang ubat kita ini, biasanya dipanggil di sana "bomoh", kerana mengubat orang patah tulang. Kalau patah, di hospital dia terus diikat dibubuh simin dan semuanya tetapi pengubat tradisional tidak, dia jampi sedikit sebanyak, dia urut dengan minyak sedikit, dia boleh sembuh, patah itu boleh bercantum balik. Inikah dikatakan tidak berguna ataupun kita biarkan begitu bagi faedah seluruh manusia yang cedera? Sebab itu saya mengatakan sudah sampai masanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil dayausaha yang berani supaya menyatukan ubat-ubat tradisional yang berguna. Macam saya katakan tadi, saya perakukan dengan hitam putih. Kalau saya didakwa pula di luar katakan ini bohong, saya bersedia, memang betul digunakan. Patah itu terpaksa dipanggil tok bomoh ini dan boleh dibetulkan. Itu satu contoh. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini—sekarang ini Yang Berhormat Menteri

diam tetapi sebenarnya dia pun tahu—berapakah ada bahagian perubatan secara tradisional Melayu Yang Berhormat Menteri sudah catatkan, berapa jenis, orang Cina kita dan orang India dalam negeri ini yang telah dapat dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri pada masa sekarang?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memang ada pengalaman perubatan tradisional yang menyatakan bahawa mereka adalah pakar dalam bidang mencantumkan tulang yang patah ataupun boleh membaiki "sprains" dan sebagainya. Adalah amalan tradisional Melayu yang berbuat demikian, dan ada juga sinseh-sinseh pun berbuat demikian dan saya baharu diberi tahu oleh pakar-pakar India dalam ubat tradisional "homoepathy" bahawa mereka pun boleh juga berbuat demikian. Sama ada kita boleh menggunakan pakar-pakar ini dalam perkhidmatan Kerajaan ialah soalan yang rumit untuk diselesaikan kerana ada tiga cara dan jikalau hendak kira cara tradisional di Sabah dan Sarawak ada juga dukun-dukun di sana yang boleh katakan mereka juga mengamalkan perubatan tradisional cara Sabah dan cara Sarawak juga. Oleh kerana itu sukar untuk Kementerian ini menyatukan perkhidmatan ini tetapi kajian memang dijalankan oleh pihak universiti khasnya Universiti Sains di Pulau Pinang untuk mengkaji bahan-bahan mentah sama ada bahan-bahan ini boleh digunakan sebagai satu asas perubatan di sini. Dan dari masa ke semasa Kementerian juga mendapat laporan dari universiti-universiti tempatan tentang hal ini. Tentang bagaimana kita boleh bekerjasama dengan persatuan-persatuan ini, baharu-baharu ini, mungkin satu dua tahun dahulu kalau tidak salah saya, semua persatuan perubatan tradisional

sama ada Melayu, Cina ataupun India sudah bersetuju untuk mengadakan satu gabungan. Saya dapat juga peluang untuk bertemu dengan mereka dan saya haraplah bahawa mereka juga boleh mengadakan satu mutu dan satu taraf yang tertentu oleh kerana ada kalanya mereka yang dikatakan ialah pengamal sinseh misalnya tidak mengikuti kursus atau latihan-latihan yang tertentu, mereka katakan mereka ialah sinseh tetapi ada juga yang mengikuti kursus persatuan sinseh misalnya ada sebuah sekolah di Jalan Davidson di mana mereka menjalani latihan kursus selama tiga tahun kalau tidak salah saya dan apabila mereka lulus dari sekolah itu baharulah diakui sebagai sinseh tetapi bukan semuanya diwajibkan untuk menjalani latihan. Serupa juga dalam perubatan tradisional Melayu ada juga yang dapat latihan sedikit sebanyak tetapi kebanyakan juga tidak dapat latihan. "Homoeopathists" dan "osteopathists" begitu juga. Walaupun tidak ada bantuan secara langsung kepada persatuan-persatuan ini saya harap bahawa kita dapat juga berdialog dengan mereka supaya kita dapat bekerjasama di antara semua pihak.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sangat terang kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi tetapi setakat ini pada pendapat saya amalan perubatan di negara kita ini ditarafkan kepada standard ataupun taraf Barat. Sekarang dengan dasar-dasar "pandang ke Timur", mengapakah satu badan penyelaras tidak diwujudkan untuk melihat perkara-perkara yang baik timbul dari perubatan di sekeliling negara kita ini—seperti dari China, perubatan acupuncture. Sekarang acupuncture telah digunakan untuk membius orang sebelum dibedah berjalan dengan baik dengan cara betul. Di negara Malaysia

dan di negeri Indonesia ada juga pakar-pakar yang boleh membaiki penyakit batin, ini tidak ada ubat di negara Barat, cuma di negara Timur sahaja ada. Jadi, pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan mengadakan satu badan penyelaras untuk memberi kebenaran ataupun takrif kepada pengubat-pengubat tradisional ini? Terima kasih.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bersetuju bahawa taraf kesihatan ini ialah diukur dari segi taraf ataupun latihan-latihan Barat, ini tidak bermakna bahawa perubatan tradisional tidak ada satu peranan yang penting di dalam negara ini, malahan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation) juga menggalakkannya dan kita tidak boleh mengeneipkan perubatan tradisional di dalam sistem perkhidmatan perubatan di mana-mana satu negara. Di sini masalah yang wujud ialah sepertimana saya terangkan tadi oleh kerana ada tiga cara tradisional yang penting di dalam negara ini, cara Melayu, China dan India dan bagaimana kita boleh menubuhkan satu badan untuk menyelaraskan semua cara ini. Itu yang jadi masalah yang besar. Oleh kerana itu, saya menggalakkan juga semua persatuan itu mengadakan satu gabungan dan bila persatuan itu mengadakan satu gabungan, saya mengakui bahawa barankali lebihlah dapat kita berdialog dengan mereka tentang cara tradisional.

Tentang acupuncture, saya telah menghantar dua orang pakar yang telah mendapat ijazah lanjutan dalam bidang pembedahan dan bidang perubatan ke negeri China pada tahun 1980 untuk menjalani latihan dalam kursus "acupuncture" dan sebaik sahaja mereka balik mereka telah

diarahkan untuk mengadakan satu "pilot study", dengan izin, di Johor Bahru dan laporan mereka telah diterima dan sedang dikaji oleh Kerajaan sama ada amalan acupuncture boleh diluaskan ataupun tidak di dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan.

TAMBAK JOHOR—KESESAKAN PENUMPANG

7. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kepada kesesakan di Tambak Johor pada masa ini sama ada Kerajaan bercadang untuk menjalankan satu perkhidmatan keretapi penumpang di antara Johor Bahru dan Singapura atau sama ada Kerajaan ada cadangan-cadangan lain untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, penumpang yang ingin membuat perjalanan dengan rel di antara Johor Bahru dan Singapura bolehlah menggunakan tren penumpang seperti di bawah ini yang mana ada memberi perkhidmatan di antara Kuala Lumpur/Gemas dan Singapura. Diperturunkan juga waktu tren-tren tersebut yang berlepas dari Johor Bahru ke Singapura dan dari Singapura ke Johor Bahru adalah:

Johor Bahru bertolak jam 0449 Tren 59TN Penumpang Malam.

Johor Bahru bertolak jam 0636 Tren 61TN Ekspres Malam.

Johor Bahru bertolak jam 1150 Tren 65TN Penumpang Biasa.

Johor Bahru bertolak jam 1259 Tren 5TN Ekspres KTM.

Johor Bahru bertolak jam 1633 Tren 57TN Penumpang Siang.

Johor Bahru bertolak jam 2166 Tren 1TN Ekspres Rakyat Malam.

Singapura Bertolak jam 0800 Tren 2NK Ekspres Rakyat.

Singapura Bertolak jam 0845 Tren 58NK Penumpang Siang.

Singapura Bertolak jam 1355 6NK Tren Penumpang Biasa.

Singapura Bertolak jam 1430 Tren 66NK Penumpang Biasa.

Singapura Bertolak jam 2000 Tren 60NK Penumpang Biasa.

Singapura Bertolak jam 2200 Tren 62NK Ekspres Malam.

Suka saya maklumkan bahawa Keretapi Tanah Melayu sedang mengkaji kemungkinan bagi memperkenalkan perkhidmatan komuter di antara Johor Bahru dan Singapura, Berdasarkan kepada rekomendasi-rekomendasi kajian tersebut, perkhidmatan ini hanya boleh dikuatkuasakan setelah K.T.M. dilengkapi dengan koc-koc yang sesuai menjelang tahun 1985-1986.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar pada masa yang akhir-akhir ini perkhidmatan keretapi terutama kelas bukan dengan hawa dingin tidak begitu selisa sekarang ini, penumpang-penumpang ada mengadu selepas daripada singgah Kuala Lumpur 4.30 petang dan sampai ke Singapura hampir-hampir pagi dengan tidak ada kipas dan tidak ada api elektrik bagi menerangkan dalam koc itu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, dan kalau sedar, apa tambahan akan diambil?

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan saya akan siasat.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sebenarnya

soalan yang dikemukakan ini berlainan daripada jawapannya. Soalnya, apakah masalah yang hendak diatasi tentang kesesakan jalan yang berlaku di antara Singapura dengan Johor Bahru yang sekarang sesak di jalan raya itu, dengan cara begitu dapatkah Kementerian ini mengadakan perkhidmatan keretapi daripada Singapura ke Johor Bahru untuk mengatasi kesesakan itu, bukan hendak menceritakan keretapi berlepas dari Singapura pukul berapa ke Kuala Lumpur dan daripada Kuala Lumpur ke Singapura. Itu tidak mengatasi Jadi, adakah tiap-tiap 10 minit, 20 minit, 60 minit dari Singapura ke Johor Bahru, dari Johor Bahru ke Singapura bagi mengatasi masalah kesesakan. Ini jawapan yang dikehendaki barangkali oleh Yang Berhormat Senator ini dan saya pun hendak juga dengar jawapan itu kalau boleh.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya adalah tepat kerana pada mulanya saya memberi gambaran antara Singapura dan Johor Bahru, gambaran perkhidmatan yang ada sekarang dan langkah-langkah yang akan diambil saya pun telah jawab dalam jawapan akhirnya.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan keretapi dari Singapura ke Johor Bahru tidak ada KTM Ekspres, yang terus ke Kuala Lumpur ada tetapi ke Johor Bahru sahaja tidak ada, singgah ada. Yang dikehendaki ini daripada Johor Bahru ke Singapura, balik ke Johor Bahru, bukan ekspres terus. Ini tidak mengatasi masalah kesesakan. Itu yang saya tanya. Adakah cara ini hendak dibuat; kalau tidak tidaklah, itulah dia.

Dato' Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itulah, di dalam koc atau tren itu, ekspres Singapura ke Kuala

Lumpur, mereka yang hendak pergi ke Johor Bahru boleh menumpang ekspres itu, begitu juga ekspres dari Kuala Lumpur ke Singapura singgah di Johor Bahru akan pergi ke Singapura, penumpang-penumpang dari Johor Bahru hendak pergi ke Singapura boleh menumpang tren itu juga. Saya kata gambaran yang ada sekarang antara penumpang walaupun dari Johor Bahru atau ke Singapura hendak datang ke Johor Bahru atau ke Singapura, perkhidmatan yang ada sekarang.

NEGARA PENGELUAR BIJIH TIMAH

8. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bilangan negara pengeluar dan negara pengguna yang telah menandatangani Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam yang telah dipersetujui di Geneva pada 26hb Jun 1981 dan dibuka untuk ditandatangani dari 3hb Ogos 1981 hingga 30hb April 1982;
- (b) mengapakah negara-negara besar seperti Amerika dan Russia tidak menandatangani perjanjian tersebut; dan
- (c) apakah kesan perjanjian ini kepada kedua-dua pihak iaitu negara pengeluar dan negara pengguna.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan

- (a) sebanyak 6 buah negara pengeluar dan 17 buah negara pengguna telah menandatangani Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam yang telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1982;

(b) sebab-sebab mengapakah negara-negara pengguna besar seperti Amerika dan Russia tidak menandatangani Perjanjian tersebut adalah lebih diketahui oleh negara-negara tersebut sendiri. Walau bagaimanapun, berasaskan Persidangan Perundingan yang telah diadakan, Amerika telah tidak dapat menandatangani Perjanjian tersebut oleh kerana pihak mereka berpendapat bahawa sesuatu Perjanjian barangan hanya memerlukan stok penimbal bagi maksud penstabilan harga. Ini adalah bertentangan dengan pendirian negara-negara pengeluar iaitu Perjanjian barangan memerlukan kedua-duanya stok penimbal dan kawalan eksport bagi maksud menstabilkan harga dengan secara berkesan sepertimana yang terdapat di dalam Perjanjian yang ada sekarang ini;

(c) di antara tujuan utama Perjanjian ini diwujudkan ialah untuk menstabilkan harga timah pada suatu paras yang berpatutan kepada pengeluar dan pengguna di samping menentukan bekalan timah yang mencukupi pada harga yang berpatutan. Melalui operasi stok penimbal dan kawalan eksport Perjanjian ini dapat menentukan supaya harga timah tidak jatuh dan dapat dipertahankan pada paras harga lantai yang ditetapkan oleh Majlis Timah Antarabangsa di dalam suasana pasaran yang meleset dan muram seperti sekarang ini, dan bagi tempoh kekurangan bekalan timah, harga dapat dipertahankan di paras harga siling yang ditetapkan oleh Majlis. Mempertahankan harga pada

kedua-dua paras ini adalah amat perlu oleh kerana pada paras harga lantai ianya akan dapat memberi jaminan kepada pengeluar bahawa pengeluaran timah mereka akan dipertahankan harganya pada suatu paras yang hampir dengan kos pengeluaran dan dengan cara ini negara-negara pengeluar akan dapat meneruskan pengeluaran timah bagi menentukan bekalan yang cukup di masa hadapan. Pada masa yang sama, mempertahankan harga pada paras siling dapat menentukan bahawa harga timah tidak akan jadi sebegitu mahal sehingga dapat menggalakkan para pengguna untuk mencari bahan gantian dan ini sudah tentulah dapat mengekalkan penggunaan dan permintaan timah.

SINDIKIT MELAMBATKAN USAHA KERAJAAN

9. Tuan Kee Yong Wee minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa ada sindiket yang cuba melambatkan usaha baik beliau; dan jika benar apakah tindakan beliau akan ambil terhadap mereka.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak faham apakah sindiket yang dimaksudkan dalam soalan ini, dengan itu tidaklah dapat saya memberi jawapan yang selanjutnya.

JAWATANKUASA TETAP PARLIMEN

10. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk membentuk Jawatankuasa Parlimen Tetap yang

meyerupai Jawatankuasa Kongress Amerika dari Dewan Perwakilan dan Dewan Senet untuk menguasai pentadbiran dan tanggungjawab Kerajaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan hendak membentuk Jawatankuasa Tetap Parlimen seperti Jawatankuasa Kongress Amerika dari Dewan Perwakilan dan Dewan Senetnya untuk mengawal pentadbiran dan tanggungjawab Kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat dalam tahun-tahun lepasan dari segi Laporan Juru Odit Negara, kita tengok terlampau banyak keputusan Kerajaan, pentadbiran Kerajaan dan implementasi Kerajaan yang tidak sesuai dan tidak betul dan juga membazirkan tenaga rakyat dan wang negara. Dan juga pada tiap-tiap tahun, tahun ini juga, saya lihat kita selalu diminta meluluskan Anggaran Tambahan, beberapa Anggaran Tambahan Nombor 1, 2 dan 3 melonggokkan lagi wang negara untuk dibelanjakan. Pada pendapat saya perbelanjaan itu cuma sekarang dilihat secara dari belakang atau "the back end" oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (Public Accounts Committee) dan oleh Auditor-General juga dari belakang selepas perbelanjaan itu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ataupun soalan saya ini adalah kerana kekurangan perkhidmatan penaksiran hadapan atau the front end evaluation yang kita kekurangan di masa ini. Jadi apakah salahnya jika Jawatankuasa Tetap Parlimen dianggotai oleh wakil-wakil dari Dewan Parlimen menjadi satu front end untuk mentaksirkan perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan ini sebagaimana di Amerika Syarikat ada Congressional Committee on Budget. Begitu cadangan saya, sila jelas.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah jelaskan tadi Kerajaan tidak ada cadangan untuk membentuk Jawatankuasa Tetap Parlimen mengikut contoh-contoh yang berada di Amerika Syarikat. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem Amerika Syarikat berlainan dengan sistem yang ada di negara kita. Di Amerika cawangan Executive dan cawangan Legislative dipisahkan. Di sini cawangan Legislative dan Executive disatukan. Walau bagaimanapun, pendapat Ahli Yang Berhormat tentang perbelanjaan Kerajaan dan cara audit dan sebagainya akan diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

PEMERIKSAAN DI KEDAI-KEDAI

11. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mewujudkan satu sistem di mana pegawai penguatkuasa dapat membuat pemeriksaan di kedai-kedai untuk memastikan harga barang-barang diturunkan.

Dato' Lew Sip Hon: Kementerian saya memang telah mengujudkan sistem di mana pegawai-pegawai penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diberi kuasa untuk membuat pemeriksaan di kedai-kedai. Walau bagaimanapun sukalah saya memaklumkan di dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak mengawal harga semua jenis barang dagangan di negara ini. Kerajaan berpendapat bahawa di dalam sistem perdagangan bebas yang diamalkan

sekarang, kawalan harga akan menyekat perkembangan perniagaan dan pelaburan sesebuah negara. Walaupun Kerajaan menetapkan harga beberapa jenis barang kawalan, tetapi ianya hanya terbatas kepada sebahagian barang keperluan sahaja seperti gula, tepung gandum, bahan-bahan petrolium, simen, bar bulat keluli lembut dan sebagainya. Tujuan Kerajaan melakukan perkara ini ialah untuk menentukan bahawa rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan-kenaikan harga yang tidak berpatutan. Dalam ertikata lain, tindakan Kerajaan menetapkan harga setengah-setengah barang keperluan ialah untuk memastikan harga barang-barang berkenaan tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya oleh para peniaga. Sekiranya berlaku sesuatu kenaikan harga barang-barang berkenaan ianya adalah disebabkan oleh sesuatu sebab yang munasabah di samping tahap kenaikan itu masih berada di paras yang mampu dibeli oleh rakyat.

Bagi barang-barang lain pula, harganya tidak ditetapkan oleh Kerajaan. Apa yang diperuntukan di bawah Undang-undang ialah mewajibkan peniaga runcit mempamerkan tandaharga ke atas 111 jenis barang jualan mereka bagi memberi peluang kepada pengguna-pengguna membuat perbandingan sebelum melakukan sesuatu pembelian. Peniaga-peniaga ini adalah bebas menetapkan harga dengan berdasarkan kepada kos pengeluaran, pembelian dan juga harga jualan lain-lain peniaga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pemeriksaan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai saya adalah lebih menekankan kepada usaha untuk memastikan bahawa bekalan barang-barang keperluan senantiasanya boleh diperolehi di pasaran

di samping perintah penandaan tandaharga ke atas 111 jenis barang dipatuhi oleh peniaga-peniaga. Dalam hubungan ini, bekalan barang keperluan yang mencukupi di samping penandaan tandaharga secara langsung akan mengujudkan kesetabilan harga barangan di negara.

MARKAS TENTERA DI SEMPADAN—KEGIATAN

12. Tuan Basharon bin Hanafiah minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada perempuan-perempuan dari negara jiran, telah biasa dibawa masuk oleh tentera kita ke dalam kawasan Markas Tentera di sempadan, jika sedar apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Kementerian Pertahanan tidak sedar tentang adanya kegiatan membawa masuk perempuan-perempuan dari negari jiran ke kawasan Markas Tentera di sempadan oleh anggota-anggota tentera kita. Setakat ini pihak kementerian tidak menerima apa-apa laporan mengenai kejadian tersebut. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat ada butir-butir yang jelas berkenaan kejadian ini sila kemukakan perkara itu segera kepada kementerian ini supaya penyiasatan dapat dilaksanakan dengan tujuan tindakan-tindakan sesuai dari segi tatatertib dapat diambil terhadap yang terlibat dengan kesalahan ini.

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

13. Puan Hasanah binti Md. Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat negeri-negeri yang berhutang dengan Lembaga Urusan

dan Tabung Haji (LUTH) dalam urusan bayaran tambang dan lain-lain yang berkaitan dengan kewangan, dan jika ya, negeri manakah yang berhutang dan bilakah akan dijelaskan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Satu negeri sahaja iaitu Kerajaan Negeri Johor sedang berhutang kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji sebanyak \$292,500 iaitu baki harga tambang bagi seramai 234 orang pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Johor yang telah diberi tambang percuma untuk menunaikan fardhu Haji dalam tahun 1981.

Sekarang ini pihak Tabung Haji sedang meminta Kerajaan Negeri Johor menjelaskan hutang itu secepat mungkin.

PELARIAN VIETNAM—KAWALAN

14. Tuan K. Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memperketatkan lagi rondaan di Perairan Malaysia untuk mengawasi kemasukan pelarian-pelarian Vietnam yang akan mengambil kesempatan North East Monsoon untuk memasuki negara ini. Nyatakan jumlah pelarian yang masih menunggu penempatan di kem-kem pelarian di negara ini dan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan menyelenggarakan pelarian-pelarian ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan memang sentiasa berwaspada terhadap kemasukan pelarian Vietnam ke negara kita. Tindakan untuk mencegah pelarian-pelarian ini masuk ke negara kita sentiasa diteruskan sepanjang tahun.

Walau bagaimanapun, ada juga kapal-kapal pelarian yang tiba di Malaysia dari masa ke semasa. Ini disebabkan atas perasaan perikemanusiaan yang mereka ini diambil masuk ke negara kita kerana mereka tidak mempunyai kemampuan untuk meneruskan perjalanan disebabkan bot-bot mereka itu sudah rosak.

Bilangan pelarian yang ada di dalam negara kita setakat hari ini adalah seramai 8329 (pada 15hb Disember, 1982).

Segala perbelanjaan yang digunakan untuk pelarian-pelarian ini dibiayai oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Orang-orang Pelarian (UNHCR). Kerajaan Malaysia hanya menyediakan agensi-agensi Kerajaan untuk mengendalikan masalah-masalah pelarian-pelarian dari Vietnam.

INDUSTRI PERIKANAN LAUT—RANCANGAN PEMBANGUNAN

15. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada sebarang acara dirumuskan oleh Kementerian untuk membangunkan Perindustrian Perikanan (iaitu marin, airtawar dan tumbuhan lautan) dan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk memodenkan industri ini melalui kaedah-kaedah baru dalam bidang perikanan dan pertumbuhan dan sama ada negara kita cukup dalam perhasihan ikan; jika tidak, apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengatasi kekurangan ini, memandangkan bahawa ikan menjadi suatu makanan bersekat bagi warganegara kita.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Pertanian mempunyai 6 rancangan utama bagi membangunkan

industri perikanan laut serta bagi memajukan perusahaan ternakair. Rancangan-rancangan utama ini mengandungi:

- (a) Latihan kepada nelayan dan penternak.
- (b) Pengurusan dan perlindungan perikanan.
- (c) Bantuan wang kepada perusahaan perikanan.
- (d) Pembinaan kemudahan pelabuhan-pelabuhan dan jeti-jeti.
- (e) Penyelidikan perikanan.
- (f) Perkhidmatan Perkembangan.

Rancangan-rancangan di atas mengandungi projek-projek bagi melatih nelayan untuk perusahaan perikanan jauh dari pantai (laut dalam), perusahaan perikanan tepi pantai dan menternak ikan. Ini adalah dibantu melalui sekim bantuan kewangan bagi menolong para nelayan dan penternak ikan bagi memperolehi perkakas menangkap ikan yang lebih baik dan juga bagi membina kolam-kolam ikan untuk petani-petani. Tambahan pula Kementerian Pertanian juga melibatkan diri di atas satu rancangan pembinaan yang utama bagi membina pelabuhan-pelabuhan perikanan dan jeti-jeti pendaratan ikan di pusat-pusat perikanan yang penting untuk membentuk suatu asas infrastruktur bagi memodenkan industri perikanan.

Bagi mempercepatkan pembangunan perikanan ternakair, Kementerian telah membina banyak pusat penetasan ikan yang baru dan menaikkan taraf muatan pusat penetasan yang ada, bagi mengeluarkan benih-benih ikan untuk diberikan kepada penternak-penternak. Rancangan-rancangan di atas telah dibantu penuh oleh bahagian Perkhidmatan Pengembangan dan Penyelidikan bagi

persediaan nelayan dan petani-petani secara teknikal untuk mengambil bahagian dengan lebih berkesan di dalam rancangan modenisasi perusahaan perikanan.

Malaysia adalah sebuah negara pengeksploitasi ikan. Kita juga masih menjaga perkapita yang tinggi ke atas pemakanan ikan.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KAWALAN

16. Tuan Alexander Y.L. Lee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh beliau untuk menentukan bahawa terdapat pengawalan yang mencukupi ke atas rakyat Indonesia yang telah memasuki negara ini secara haram memandangkan bahawa jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh mereka baru-baru ini semakin bertambah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kementerian saya sedang mengambil langkah yang ketat dan sesuai sepanjang masa untuk mengesan, menangkap, mendakwa serta menghantar balik pendatang haram Indonesia di negara ini. Sebagai bukti, Kementerian saya telah menghantar balik seramai 12,769 orang pendatang haram Indonesia di antara tahun 1977 hingga September, 1982.

Berhubung dengan kejadian jenayah yang pernah dikaitkan dengan pendatang haram Indonesia, sukacitalah saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa hanya 0.6% sahaja daripada keseluruhan jenayah yang dilakukan oleh rakyat Indonesia berbanding dengan peratus jenayah di seluruh negara bagi tahun 1977 hingga 1981. Saya menyampaikan maklumat

ini demi memberi gambaran yang sebenar dan adil terhadap kejadian jenayah yang dilakukan oleh rakyat Indonesia supaya kita tidak mempunyai tanggapan yang salah terhadap keadaan-keadaan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Disember, 1982)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah.

3.36 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk menyambung ucapan saya atas Belanjawan 1983 pada hari Jumaat 17hb Disember, 1982 yang lalu yang mana saya akan menyambung berhubung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, termasuk juga tugas-tugas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Perbelanjaan bagi Belanjawan 1983 ini sebagaimana yang saya sarankan berhubung dengan peruntukan bagi perparitan hanya sejumlah \$6,600,000. Peruntukan ini kalau hendak dibandingkan dengan masalah banjir yang selalu berlaku di Kuala Lumpur ini sama ada semasa hujan lebat ataupun hujan tak lebat, jalan-jalan di Kuala Lumpur ini dipenuhi oleh air yang mengakibatkan keadaan lalulintas tergendala sehingga berjam-jam lamanya.

Begitu juga di kawasan-kawasan lembah kalau hujan lebat telah mengakibatkan air bah memakan masa 2-3 jam dalam kawasan-kawasan perumahan, lebih-lebih lagi di kawasan lembah yang diduduki oleh penduduk-penduduk yang dikatakan duduk di tanah-tanah tanpa izin yang berselerak di kawasan Kuala Lumpur ini. Salah satu yang saya lihat, akibat banjir itu yang berlaku di jalan raya ialah disebabkan sistem perparitan dan pemetongan tidak sesuai lagi buat masa ini kerana parit-parit yang digali di kiri kanan cetek, tak sampai satu kaki dalamnya, sedangkan air sungai yang tiba melimpah-limpah dengan keadaan parit yang tidak kena dan dengan keadaan pemetong-pemetong yang kecil yang sepatutnya Kementerian Wilayah Persekutuan ini berusaha bagi mengatasinya dan pihak Kerajaan juga saya berharap dengan peruntukan sebanyak itu tidak mencukupi.

Selain daripada itu, banjir itu juga melibatkan hal keadaan rumah tanpa izin yang didirikan di tepi sungai dan di tepi-tepi parit yang mana mengakibatkan air yang tidak dapat lalu kadang-kadang tersendat oleh rumah ataupun dapur-dapur yang menghadap ke sungai dan juga parit-parit itu.

Apa yang saya cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, supaya Dewan Bandaraya atau Kementerian Wilayah Persekutuan memindahkan orang-orang yang duduk di tepi parit-parit itu dapat diperbetulkan dan dipeluruskan bagi mengelakkan banjir yang berlaku sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soal Pelan Induk Kuala Lumpur telahpun dikeluarkan dan dipaparkan dan juga minta pandangan-pandangan daripada orang ramai khasnya penduduk-penduduk Kuala Lumpur ini yang mana Pelan Induk ini ialah untuk menggariskan panduan bagi memindahkan lagi Kuala Lumpur ini

dalam masa 20 tahun yang akan datang iaitu sehingga tahun 2000. Tujuannya sebagaimana terkandung dalam Pelan Induk ini ialah untuk mencari jalan bagi mengatasi segala masalah seumpama perumahan, tempat kediaman, tempat perniagaan dan sebagainya, termasuk juga kawasan-kawasan simpanan tanah orang Melayu yang mana sekarang ini terbiar begitu sahaja, umpamanya di kawasan Sungai Pencala Segambut, di Gombak dan banyak kawasan-kawasan lain lagi yang mana tanah-tanah kepunyaan bumiputera iaitu tanah-tanah geran kepunyaan bumiputera yang tidak dapat dimajukan kerana kekurangan kewangan dan sebagainya.

Dalam Pelan Induk ini akan cuba menjalankan dayausaha, tetapi dalam masalah ini saya juga masih mendengar rungutan dan juga dalam suratkhbar dan seterusnya masih ada rakyat yang tidak puas hati di atas dasar Pelan Induk ini yang mana mereka menganggap Pelan Induk ini diadakan akan merosakkan atau akan mengakibatkan mengurangkan hak-hak kepunyaan bukan bumiputera. Oleh itu di sini saya berserulah kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya memahami sebenar-benarnya dasar Kerajaan kita pada hari ini memandangkan keadaan bumiputera iaitu kaum yang duduk dan tumpah darah mereka sendiri di sini sepatutnya dan telahpun dipersetujui oleh Kerajaan untuk memberi pertimbangan hak-hak mereka. Oleh itu dalam masalah ini kita tidak mahu, sebagaimana saya sebutkan hari Jumaat yang lalu ada golongan-golongan yang masih ragu-ragu di atas dasar Kerajaan kita pada hari ini, termasuk ahli-ahli politik iaitu ahli-ahli politik yang dalam komponen Barisan Nasional sendiripun meragui akan dasar Kerajaan ini.

Tujuan Pelan Induk Kuala Lumpur ini diadakan, rasa saya sebab kami telahpun berbincang dengan Kementerian Wilayah dengan pucuk pimpinan adalah semata-mata bagi mengurangkan keadaan yang tidak berseimbang kepada kaum bumiputera. Di samping itu dalam Pelan Induk ini juga akan dasar Kerajaan tidak berhajat untuk merampas hak milik yang ada oleh bukan bumiputera sekarang ini, hanya untuk memajukan mana yang kurang dan mana yang patut diperbaiki. Ini hasrat Kerajaan. Maka dengan masalah inilah kita berharap sepertimana yang ada di dalam Dewan yang mulia ini juga telahpun saya ulangi lagi, kita pun berasa sedih kerana masih ada golongan yang mengatakan dasar Kerajaan kita pilih kasih, menyebabkan kaum-kaum yang kecil tercicir dan sepatutnya orang-orang Melayu sebagai abang dalam negara kita ini memikirkan golongan-golongan kaum kecil yang ada di Malaysia ini. Rasa saya kalau inilah yang selalu diucap-ucapkan oleh pucuk pimpinan kita lebih-lebih lagi didengar oleh murid-murid sekolah yang masih kecil yang tidak tahu akan sebenarnya dasar Kerajaan ini, mereka akan terikut-ikut akan pucuk pimpinan yang mengatakan Kerajaan kita hari ini menindas satu-satu kaum.

Kita mendengar di luar-luar negeri umpamanya kita mendengar penuntut-penuntut kita yang di luar negeri kadangkala; kita mendengar mereka ini juga menuduh Kerajaan kita ini tidak betul terhadap satu-satu kaum dalam negara ini. Ini adalah disebabkan banyak pemimpin-pemimpin kita yang pergi keluar negeri, mereka ini sambil pergi sambil berjumpa dengan penuntut-penuntut kita di sana, memberikan gambaran yang tidak betul kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Baru-baru ini saya singgah di London pada bulan November yang lalu, penuntut-penuntut di sana berjumpa dengan saya, dia mengatakan Kerajaan pada hari ini tidak betul dan sebagainya. Saya bertanya kepada mereka di manakah kamu tahu dengan soal-soal ini? Mereka mengatakan ada wakil-wakil Rakyat yang datang lebih-lebih lagi parti-parti Pembangkang termasuk juga parti-parti kita sendiri yang mereka ini mengatakan Kerajaan kita tidak betul menjalankan tugas, ada pilih kasih dan diskriminasi terhadap satu-satu kaum. Maka di sini saya berserulah kepada pihak-pihak yang tertentu sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan jikalauh sekiranya mereka ini tidak sesuai, tidak merasa mereka ini tidak secukupnya untuk menjadi Wakil Rakyat ataupun tidak secukupnya untuk duduk di dalam Dewan yang mulia ini kerana menghabiskan masa ataupun tenaga mereka dengan duduk sahaja dalam Dewan ini dan mengatakan Dewan ini mesti ditutup, saya rasa ini satu masalah yang tidak baik, yang tidak seharusnya dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat, rasa saya mereka itu adalah dari golongan professional yang tidak sepatutnya mengeluarkan ucapan yang begitu. Ini rasa saya kalau didengar oleh orang lain, akan mengatakan apakah Ahli Dewan Negara benarkah dianggap sebagai rubber stamp sahaja sedangkan kita telah 25 tahun merdeka, Dewan ini juga telahpun wujud begitu lama, Kita tidak mahulah dalam masalah ini kalau difikirkan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memikirkan duduk di sini hanya menyakitkan buntut sahaja ataupun memikirkan profesion mereka yang sebenar, yang baik, yang mendatangkan keuntungan yang banyak, saya berseru di sini sila gantikan kepada orang lain yang banyak lagi untuk berkhidmat bagi kepentingan negara, bangsa dan agama bukan untuk kepentingan diri

sendiri. Inilah harapan saya kerana kita tidak mahu mengulang-ulangi perkara-perkara ini.

Kita telah menempoh trajedi yang mengguriskan hati rakyat Malaysia tahun 1962, kita tidak mahu lagi perkara-perkara itu berbangkit lagi, kita tidak mahu lagi rakyat kita dalam Malaysia ini bertumpah darahnya lagi sebagaimana yang telah berlaku pada 13 Mei tahun 1969 yang lalu. Oleh itu kita harus memikirkan sebagaimana kata orang Melayu. bila hendak bercakap itu "dongaklah dahulu baru kita bercakap atau duduk dahulu baru belunjur", atau hendak masuk di rumah-rumah orang itu jangan mencaci rumah ini tidak betul, ruang ini tidak betul. Kita belum tahu lagi di mana dapur, di mana serambi, di mana bilik, di mana bilik air dan sebagainya. Setelah kita siasat, sudah kita dapati betul barulah kita mengeluarkan teguran tetapi ini hanya baru duduk di tengah rumah telah mengatakan rumah ini sendeng, itu sendeng, itu tidak betul, ini tidak betul. Ini merasakan keadaan yang sungguh mengguris hati, rasa saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun bila keluar dari Dewan ini mengatakan tidak patut perkara ini berbangkit dalam Dewan yang mulia ini, kalau perkara ini hendak dibangkitkan boleh disuarakan dalam Pre-Council yang selalu kita adakan sebelum mengadakan mesyuarat-mesyuarat yang sepatutnya kita adakan.

Oleh itu inilah harapan saya supaya perkara-perkara yang seumpama ini tidak berbangkit lagi.

Soal yang lain dalam masalah ini sungguhpun kita membincangkan soal perbelanjaan bagi tahun 1983 yang mana perbelanjaan ini begitu besar, sebagaimana saya ulangi lagi, supaya perbelanjaan ini dapat dibelanjakan dengan sebetul-betulnya, kita tidak

mahu ada anai-anai dalam Jabatan-jabatan Kerajaan yang merosakkan dasar-dasar Kerajaan kita pada hari ini. Kita berterima kasih di atas usaha yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Utama, Dr Mahathir Mohamad yang mana baru sahaja menerima anugerah negeri Melaka, kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama yang mana beliau dengan sedaya upaya telah cuba menjelajah dan pergi ke luar-luar negeri memberi penerangan-penerangan yang seluas-luasnya akan dasar Kerajaan Malaysia kita hari ini. Beliau dan juga Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam telah pergi ke luar negeri menerangkan segala-galanya yang terjadi di Malaysia ini yang sebenarnya yang dahulunya tidak memahami mereka telah faham serba sedikit mengikut laporan-laporan yang kita baca di akhbar-akhbar semasa lawatan-lawatan yang dibuat. Oleh itu kita harapkan pegawai-pegawai Kerajaan juga mesti mengikut tauladan yang telah dibuat oleh pemimpin kita. Kita tidak mahu lagi ada pegawai-pegawai Kerajaan, ada suratkhbar-suratkhbar yang menyiarkan perkara-perkara yang tak betul yang mana mengatakan ada pegawai-pegawai yang diikuti ataupun yang didatangi oleh pihak BPR untuk menyiasat dan sebagainya, kita malu dalam soal ini, kerana Kerajaan telahpun memberi dengan gaji yang lumayan kepada mereka ini. Oleh itu janganlah pula dengan adanya ini hendak diselewengkan pula cara-cara yang lain, sebagaimana yang telah lalu banyak kita dapati rungutan-rungutan yang juga kita Ahli-ahli Dewan Negara ini melihat banyak perkakas-perkakas yang tak betul, yang tak perlu dipesan ataupun dibawa, kita terima sahaja dengan menggunakan wang yang lebih sehinggakan perkara-perkara umpama lori, mesin-mesin kereta dan sebagainya tidak digunakan. Ini membazirkan wang

negara. Oleh itu kita berharaplah supaya dalam masalah kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku, termasuk juga kita di Malaysia ini supaya keadaan kita semuanya, sama ada pihak kakitangan Kerajaan dan juga Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat bersamasama kita menolong Kerajaan untuk kepentingan bangsa dan negara dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbelanjaan ini memang telah diperuntukkan tiap-tiap Jabatan yang ada, iaitu umpamanya diperuntukkan kepada pertanian, pembangunan tanah, parit dan taliair yang mana peruntukan telah diperuntukkan sejumlah \$6,086 juta, iaitu 50% adalah disediakan untuk sektor ekonomi. Dalam masalah ini Ahli-ahli Yang Berhormat kita telahpun menyuarakan masalah-masalah tanah terbiar yang mana kita lihat di luar-luar bandar banyak kawasan-kawasan tanah yang terbiar, iaitu kawasan-kawasan tanah sawah yang tak dapat diusahakan kerana kekurangan air dan sebagainya, lebih-lebih lagi kekurangan tenaga manusia yang mana buat masa ini pemuda dan pemudi telahpun berduyun-duyun datang ke bandar dan meninggalkan orang-orang yang ada di kampung-kampung hanya golongan tua-tua sahaja. Oleh itu dalam masalah ini kita berharap kepada Kerajaan supaya mencari jalan sedaya upaya bagaimanakah tanah-tanah yang terbiar ini dapat diusahakan untuk menambahkan ekonomi negara. Kita tidak mahu bergantung kepada negara lain, umpamanya padi, sebab kawasan tanah kita juga mengeluarkan padi yang baik tetapi sekarang ini ialah disebabkan oleh kerana tenaga manusia sebagaimana dikatakan tadi tidak mencukupi yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, saya berharap bagi mengatasi soal ini, salah

satunya kita pun tahu banyak penganggur-penganggur yang ada, mereka ini penganggur bukan duduk di kampung-kampung tetapi penganggur-penganggur yang kononnya mereka ini datang ke bandar untuk mencari pekerjaan tetapi tidak dapat bekerja, mereka menganggur di Kuala Lumpur ini ataupun di pekan-pekan besar di dalam negara kita ini. Oleh itu kita berharap pihak Kerajaan supaya dapat membanci berapakah jumlah sebenarnya penganggur-penganggur tiap-tiap negeri yang ada pada masa ini. Di samping itu jika dapat mereka ini dipanggil ataupun ditunjuk ajar ataupun dihantarkan sebagaimana yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk membuat satu rancangan padi estate yang telah dicadangkan oleh Kementerian Pertanian. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, rasa saya kita dapat mengatasi masalah-masalah di samping pengangguran yang mana kita lihat sekarang ini penganggur-penganggur ini bukan belia menganggur sahaja tetapi di samping mereka menganggur ini mereka juga memasuki kumpulan-kumpulan haram dan ada juga mereka ini yang menghisap dadah dan sebagainya. Ini membebankan Kerajaan kita pada masa ini.

Di samping itu juga kita tahu harga sayur sekarang inipun telah meningkat sehingga ada yang \$2.00 dan \$2.50 sekilo yang dijual di pasar-pasar sedangkan tanah-tanah yang terbiar di kampung-kampung boleh dikatakan banyak kawasan-kawasan ini yang tidak diusahakan. Maka dalam keadaan ini kita harap supaya ini dapat juga dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kita beralih dengan masalah-masalah perumahan. Perumahan di Kuala Lumpur ini ialah satu beban

yang begitu sulit, bukan dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Wilayah ataupun Dewan Bandaraya, begitu juga kesulitan ini dialami oleh ketua-ketua parti di kawasan ini yang mana kebanyakan mereka ini bertanya kepada kita, bagaimana keadaan mereka untuk mendapatkan rumah dan kalau mereka ini duduk di tanah-tanah tanpa izin, mereka ini, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Dewan Bandaraya akan datang memecah dan menjahanamkan rumah-rumah yang mereka buat itu Mereka mengatakan kepada saya, mereka ini bukan hendak duduk di tanah tanpa izin, sebenarnya oleh kerana kesulitan hidup mereka untuk membawa keluarga dan anak isteri mereka dari kampung, untuk menyewa rumah ataupun bilik di Kuala Lumpur ini sangat sukar untuk didapati. Kalau adapun hanya di celah-celah rumah, di bawah-bawah rumah, sewanya pun terlalu mahal sehinggakan \$150 sebulan. Oleh itu dalam masalah keadaan rumah ini kita berharap sungguhpun Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar kepada sektor perumahan ini, kita harap dapat dijalankan, lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur yang mana sekarang ini keadaan rumah terlalu menyulitkan.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat di Kuala Lumpur ini sungguhpun kawasan 94 batu persegi banyak tanah-tanah yang terbiar, umpamanya rumah-rumah kakitangan Kerajaan, iaitu di Kampong Pandan, di Jalan Laksamana, Jalan Imbi dan seterusnya banyak rumah-rumah yang ditinggalkan oleh penjajah-penjajah dahulu yang kawasan-kawasannya besar dan terbiar begitu sahaja sedangkan rumah-rumah kecil, apa salahnya pihak Kerajaan untuk mengatasi rumah-rumah ini, di samping itu dapat mengatasi orang

mendirikan rumah di tanah tanpa izin, rumah-rumah yang ada sekarang ini dipecahkan dan dibangunkan semula dengan rumah-rumah pangsa yang sesuai untuk kakitangan Kerajaan yang mana boleh dikatakan ramai kakitangan Kerajaan yang duduk di kawasan-kawasan tanah tanpa izin. Ini rasa saya satu jalan yang baik bagi mengatasi masalah perumahan ini.

Begitu juga dalam masalah perumahan ini, pihak-pihak swasta juga harus bertimbang rasa dengan rakyat yang miskin, kerana sekarang ini pihak-pihak swasta apa yang saya dapat tahu mereka tidak hendak mendirikan rumah-rumah yang murah, mereka ini mendirikan rumah antara \$90,000 hinggakan \$100,000 lebih harganya, di manakah orang-orang ini hendak membelinya, di manakah mereka itu untuk mendapatkan wang untuk membeli rumah dengan harga yang begitu tinggi sedangkan pendapatan mereka tidak lebih daripada \$500 sebulan. Dengan keadaan itu, mereka lari dan membuat rumah di tanah tanpa izin di Kuala Lumpur ini yang menjadi masalah besar kepada kita.

Soal yang lain dalam Kuala Lumpur ini ialah ibu negara Malaysia kita yang mana ini selalu saya ulang-ulangkan. Kita melihat keadaan bentuk bangunan sama ada bangunan tinggi ataupun rumah-rumah rakyat kebanyakannya tidak berbentuk kebudayaan Malaysia, hanya ditiru dengan bentuk-bentuk kebudayaan negara yang lain. Kadangkala terbawa-bawa bentuk rumah itu dari mana asal keturunan mereka tiba dibuat bentuk rumah itu di Kuala Lumpur ini. Oleh itu, kita berharap kepada Kerajaan lebih-lebih lagi Dewan Bandaraya dan juga negeri-negeri yang lain supaya di masa yang akan datang apabila hendak meluluskan pelan-pelan yang dibuat oleh Akitek-akitek agar dapat

dinasihatkan mereka ini supaya mengubah corak agar kebudayaan Malaysia ini dapat diadakan. Kita tidak mahu lagi di Kuala Lumpur ini sama ada kebudayaan rumah, sama ada di segi tulisan ataupun papan-papan tanda masih lagi bercampur-aduk dengan bahasa-bahasa yang lain. Sungguhpun kita di Malaysia ini telahpun mengiktiraf Bahasa Malaysia ialah Bahasa Kebangsaan kita tetapi masih juga lagi bahasa-bahasa yang lain berkecamuk diadakan di papan-papan tanda.

Soal yang lain di Kementerian Wilayah ini saya berpendapat Kementerian Wilayah ini dan Dewan Bandaraya menghadapi bermacam-macam masalah iaitu masalah penjaja-penjaja yang berselerak di Kuala Lumpur ini sama ada penjaja ini menjual makanan-makanan pada malam hari ataupun siang hari, sering mereka ini diburu oleh penguasa-penguasa Dewan Bandaraya kerana mereka itu menjual di tempat-tempat yang menghalang jalan dan sebagainya. Mereka ini juga tidak ada lesen dan sebagainya dan mereka ini selalu dikenakan bayar denda atau kompaun antara \$50-\$70 denda yang dibayar dan kadangkala harta-harta mereka dirampas.

Di sini rasa saya mereka yang menjual ini bukanlah mereka yang kaya, mereka ini ialah dengan tujuan untuk mendapatkan wang saraan hidup keluarga mereka maka terpaksa mereka ini berjual. Oleh itu, saya berharap kepada Dewan Bandaraya supaya mencari jalan diadakan satu kawasan yang luas untuk menempatkan penjaja-penjaja ataupun gerai-gerai supaya mereka ini tidak diburu dan mereka ini dapat mencari nafkah hidup mereka sehari-hari. Kementerian Wilayah sama ada Kementerian dan juga Dewan Bandaraya saya berharap kerana saya

selalu berunding dengan pihak Kementerian dan juga dengan Dewan Bandaraya berhubung dengan masalah-masalah yang dialami oleh rakyat kita umpamanya seperti pecah rumah dan sebagainya tadi, rampasan gerai-gerai dan sebagainya; bagi mengelakkan perkara-perkara ini untuk kita pihak-pihak ahli-ahli politik yang ada di Kuala Lumpur ini supaya dapat mencari jalan. Kita berharap supaya Kementerian Wilayah dan Dewan Bandaraya mengadakan satu unit khas iaitu Unit Pengaduan Orangramai kerana masa ini saya rasa tidak ada benda itu diwujudkan di Kuala Lumpur ataupun di Kementerian. Dengan adanya ini dapatlah mereka ini datang terus berjumpa dengan pegawai-pegawai khas ini mengadakan hal masalah-masalah yang dialami oleh mereka kerana sekarang ini kita tahu Kerajaan telah berusaha sedaya-upaya untuk mempercepatkan Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990, yang mana masanyapun tidak lama lagi. Di sini kita sering hendak berurus ataupun hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai tinggi sama ada Kementerian yang lain mereka ini selalu mengadakan mesyuarat-mesyuarat, oleh itu rakyat hendak berjumpa dengan pegawai-pegawai ini sukar kerana mereka ini menghadiri mesyuarat. Dengan adanya unit khas ini bolehlah pengadu-pengadu datang buat pengaduan dan sebagainya dan pegawai-pegawai yang bertugas ini akan menyalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun di Dewan Bandaraya sendiri.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perbelanjaan peruntukan Kementerian Penerangan dan penyiaran yang mana berjumlah \$239,754,825. Dalam masalah ini banyak lagi kesulitan-kesulitan dan kelemahan-kelemahan yang dihadapi

oleh rakyat, terutama melalui Televisyen Malaysia kita yang senantiasa dicorongkan di rumah-rumah kita yang mana gambar-gambar ataupun filem-filem yang ditunjukkan lebih-lebih lagi gambar-gambar Melayu kadangkala gambar-gambar itu telah berumur bertahun-tahun sehingga kadangkala putus-putus kita melihat. Oleh itu, di sini saya berharap kepada Kementerian Penerangan supaya berikhtiar sedaya upaya untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Satu lagi yang saya musykilkan berhubung dengan seruan Azan yang sebelum ini diadakan di kaca TV iaitu seruan Azan menandakan waktu sembahyang Isyak yang selalunya disuarakan tetapi sekarang hanya dengan tulisan sahaja. Oleh itu, di sini saya berharap kerana Agama Islam ialah Agama Rasmi, kita juga berharap dalam soal ini supaya pihak Penyiaran dapat membuat semula siaran sebagaimana biasa dahulu iaitu diadakan Azan Isyak ini semula, tidak sebagaimana, yang ada sekarang ini, masanya telah diambil untuk Warta Berita dan hanya disiarkan melalui kaca TV dan juga dengan dinyatakan oleh pegawai-pegawai yang bertugas untuk menyiarkan Warta Berita. Itu kita berharap dalam masalah ini.

Dalam masalah yang lain mengenai Kementerian ini, saya juga selalu kadangkala sering ke luar negeri dan dalam masalah ini juga saya berkesempatan singgah ataupun berjumpa dengan pegawai-pegawai di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Masalah yang dialami oleh mereka ini sebenarnya saya sebutkan tadi iaitu kekurangan bahan-bahan bacaan dan juga bahan-bahan yang disiarkan di dalam negara itu dapat dibaca oleh penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri juga orang awam.

Oleh itu, kita berharap supaya pihak Penyarangan dapat menghantar lebih banyak lagi berita-berita berhubung dengan keadaan yang berlaku dalam negara kita ini.

Satu lagi yang saya nampak iaitu mereka ini tidak mengenali seseorang Wakil Rakyat kadangkala Ahli-ahli Dewan Negara yang datang melawat sungguhpun kita bila hendak melawat kita menelefon dahulu kepada pegawai-pegawai kita hendak datang. Bila kita datang ke sana terpaksa kita hendak memperkenalkan diri kita, siapa nama, asal daripada mana dan sebagainya untuk keselamatan di Kedutaan-kedutaan kita. Oleh itu, saya berharap di sini bagi mengelakkan perkara-perkara seperti ini, apa salahnya sama ada pihak Kementerian Penerangan ataupun Kementerian Luar Negeri membuat satu buku panduan yang meliputi gambar-gambar Ahli-ahli Dewan Negara ataupun Wakil-wakil Rakyat iaitu dihantar ke Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Di samping itu dicatatkan serba ringkas latar belakang dari manakah mereka ini, wakil negeri manakah, Parlimen manakah supaya mereka ini bila kita datang dia telah tahu lebih awal macam mana rupa si polan ini yang hendak datang berjumpa mereka. Ini juga bagi menjamin keselamatan Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Di samping itu juga rasa saya buku ini amat berguna buat panduan kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri untuk membuat penyelidikan (research) untuk menambah iaitu untuk thesis ataupun sebagainya untuk mereka ini di luar negeri dapat menyemak Wakil-wakil Rakyat ataupun ahli-ahli Dewan Negara ataupun Menteri-menteri yang ada di dalam gambar itu datang dari mana dan sebagainya. Ini rasa saya amat perlu diadakan bagi penerangan-penerangan bagi kita di luar negeri.

Dalam masalah lain berhubung dengan Belanjawan kita ini, saya juga berasa musykil, kadangkala Belanjawan belum lagi diisytiharkan untuk dinaikkan harga barang-barang, umpamanya baru diucapkan oleh Menteri Kewangan kita, Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh pada petang harinya, pada malamnya sudah naik harga barang-barang dan ada kalanya mereka ini lebih tahu daripada kita semua harga barang-barang yang hendak naik, mereka telah menyediakan segala senarai harga barang-barang lebh awal lagi. Oleh itu saya hendak bertanya di manakah mereka ini dapat butir-butir ini, sedangkan dikatakan Belanjawan ini amatlah ketat sehingga Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh hendak turun pun ada eskot tetapi sebelum ini Belanjawan ini telah dipecah dan didapati oleh orang-orang lain.

Umpamanya baru-baru ini, baru petang itu Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh membacakan budget ini besok pagi pukul 9.00 saya pun singgah di satu kedai menjual motokar Honda Civic, kalau tidak silap saya, dengan semena-mena telah naik, pada masa itu \$2,000 sedangkan Kerajaan belum lagi hendak mengatakan itu dan sebagainya tetapi mereka telah menaikkan harga kereta. Inilah cara-caranya. Kita harap pegawai-pegawai kita biarlah bersih, biarlah cekap dan biarlah amanah supaya jangan perkara ini dapat diketahui lebih awal oleh pihak-pihak dari luar. Begitu juga dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kita juga harus mengawasi masalah-masalah harga dan sebagainya. Harga barang-barang yang melambung tinggi kadangkala dalam masa dua tiga bulan satu-satu barang itu naik harganya dengan tidak semena-mena kadang-kadang Menteri pun belum menyiarkan barang-barang itu naik mereka telah naikkan. Ini menyusahkan rakyat.

Begitu juga di atas Kementerian ini kita harus mengawasi masalah-masalah yang terjadi dengan industri-industri ataupun orang-orang yang mencari wang dalam Malaysia ini supaya mereka ini mengawasi, mengatasi. Umpamanya janganlah mereka mengharap untuk mencari laba untuk kekayaan tetapi mereka merosak orang lain dan Kerajaan. Umpamanya Yang Berhormat kita telah pun menyuarakan dalam masa Soal Jawab tempoh hari, dalam penjualan minuman keras yang berharga 50 sen, ini rupanya, iaitu minuman keras ini V.S.O.P. Entah macam mana rasanya, saya tidak minum tetapi orang kata benda ini mendatangkan mabuk, harganya 50 sen yang mengandungi contentnya 35 c.c., dikeluarkan oleh La Roy Brandy. Ini dikeluarkan di Malaysia. Begitu juga, lagi satu, ini Gin dan setan ada campur rasa saya, ini pun harganya 50 sen juga yang dikeluarkan oleh Duncan Gilbey & Matterson Malaysia Sendirian Bhd., 30/60 6¼ Jalan Kepong, Kuala Lumpur, Malaysia.

Saya tidak tahu sejauh manakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ataupun pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan. Minuman-minuman ini bukan diminum oleh orang-orang dewasa sahaja tetapi ini untuk mengajar murid-murid sekolah kita untuk belajar meminum ini. Begitu juga dahulu dadah, ini dadah nombor dua akan tiba kalau kita tidak atasi masalah-masalah ini. Oleh itu saya menyeru Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kalau boleh diharamkan langsung penjualan ini, kalau hendak jual dalam botol-botol tidak apalah, budak sekolah tidak boleh beli sampai \$100 dan sebagainya. Ini 50 sen pun dapat beli. Begitu mudahnya mereka untuk menjahanamkan, ini ada satu-satu

masalah saya rasa dan begitu juga rokok kita telah haramkan (banned) iklan-iklan dalam TV iaitu tidak disiarkan lagi iklan-iklan rokok. Tetapi mereka ini tidak puas hati, tidak dapat di TV mereka gunakan ini, "Winston of America", saya tidak hisap rokok. Tetapi rupanya siapa yang dapat, budak-budak bukan main suka beli ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi tahu dalamnya apa? Gambar wanita bogel! Ini juga untuk menjahanamkan murid-murid kita sekarang ini. Ini juga kita harap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bukan ini sahaja rasa saya, ada lagi yang tidak dapat kita kesan masalah-masalah untuk menjahanamkan muda-mudi kita buat masa ini. Gambar ini ada enam keping iaitu calender. Sebenarnya bukan calender ini yang budak-budak hendak, yang belakang ini yang mereka hendak. Kita telah peruntukan beribu-ribu ringgit, pegawai-pegawai Kerajaan juga saya seru pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pihak-pihak berkuasa dapat menyelidik perkara ini supaya tidak merebak untuk menjahanamkan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalah-masalah yang lain banyak juga yang hendak diceritakan, hanya tentang Kementerian Pelajaran ini penting kerana tanpa pelajaran rasa saya kita dalam masalah sekarang ini berkehendakkan pelajaran. Pelajaran ini lebih penting daripada harta. Oleh itu di Wilayah Persekutuan ini, Kementerian Wilayah Persekutuan telah meminta supaya di Wilayah Persekutuan ini dapat didirikan sebuah Sekolah Menengah Agama dan juga sebuah atau dua buah asrama-asrama bagi menampung murid-murid khususnya bagi kaum-kaum yang miskin yang duduk di tepi sungai, yang duduk di kawasan tanah haram dan sebagainya, anak-anak

mereka ini patut mendapat pembelaan kerana sekarang ini kita tahu siapa sahaja sama ada ia duduk di tanah haram atau duduk di gedong yang besar di Kuala Lumpur ini mereka ini tidak berhak untuk dapat duduk di asrama. Oleh itu dalam masalah ini sebagaimana yang saya katakan pelajaran amat penting maka saya menyeru kepada Kerajaan supaya dapat didirikan satu asrama penuh bagi menampung murid-murid khususnya murid-murid yang kekurangan ibu bapa mereka ini dapat diperuntukkan dan dapat duduk belajar dan tinggal di asrama-asrama yang kita sebutkan ini. Begitu juga Sekolah Menengah Agama, dalam masalah agama ini harus kita pentingkan kepada murid-murid kita di masa ini kerana dengan agamalah dapat kita membentuk akhlak mereka ini apabila besar nanti.

Dalam masalah yang lain, saya juga berharap kepada Kementerian ini kerana kita negara yang boleh dikatakan maju umpamanya di Malaysia Hall di London yang mana baru-baru ini saya pergi, saya melihat amatlah mendukacitakan keadaan di dalam Dewan itu kerana kawasan-kawasan dalam dewan itu dinding-dinding, lantai dan sebagainya telah reput-reput, malu kita melihatnya, malu keadaan tandas-tandasnya sudah pecah, bilik sembahyangnya tidak betul tempatnya. Oleh itu kita berharap sebagaimana harapan kita supaya orang-orang luar pun melihat mereka tidak mencaci atau menghina keadaan dewan itu yang saya rasa patut dibaiki patut diperuntukkan oleh Kerajaan supaya dapat diperbaiki seberapa segera yang boleh. Begitu juga kita berharap Kerajaan juga menimbangkan kerana Pesuruhjaya Tinggi kita di London itu saya rasa akan dikekalkan sehingga hari kiamat kerana persahabatan kita dengan British ini masih kekal. Apa salahnya pihak Kerajaan pada hari ini jikalau ada lebih duit pada masa akan datang

dapat membeli bangunan-bangunan atau rumah-rumah di London untuk menempatkan pegawai-pegawai Kerajaan yang kita tugaskan di sana supaya mereka dapat duduk di rumah Kerajaan sendiri kerana sekarang ini mereka itu terpaksa menyewa. Untuk mendapatkan satu-satu rumah atau bilik amat sukar.

Dalam masalah ini apa salahnya Kerajaan mencari jalan supaya dapat membeli bangunan-bangunan yang mana saya lihat yang mereka kata kepada saya banyak untuk dijual. Ini sebagai mengatasi masalah-masalah perumahan pegawai-pegawai kita yang berada di luar negeri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi, saya berserulah sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini supaya apa yang telah disebutkan di pandangan yang saya nyatakan tadi adalah dengan hati yang ikhlas untuk memperbaiki, tidak ada rasa iri hati ataupun perasaan marah, ini hanya untuk kepentingan bangsa dan negara kita di masa yang akan datang. Oleh itu dengan ini sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong akan Belanjawan 1983.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

4.20 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk membahaskan Anggaran Belanjawan 1983 dengan mengingatkan kepada semua peringkat yang berkenaan supaya merenung sejauh-jauhnya dan mengamati se dalam-dalamnya akan perjalanan tiap-tiap Kementerian

sepanjang tahun 1983 untuk menyelamatkan kewangan dan kemantapan negara kita ini.

Saya suka mengingatkan sedikit sahaja bagi mengambil kesimpulan bukan sahaja kita memandang kepada belanjawan negara-negara yang maju di dalam dunia ini tetapi kita memandang ke Timur seperti yang diutarakan oleh Perdana Menteri kita. Kita contohkan dua negara di sebelah Timur ini iaitu Jepun dan Korea. Jepun tidak payah kita katakan lagi, dia telah menunjukkan kepada dunia untuk berdiri sendiri dengan tidak mengharapkan pinjaman-pinjaman yang tertentu daripada luar dan Korea Selatan pula telah membuat satu anggaran tertentu yang harus kita analisis baik di mana mereka telah menganggarkan dalam tahun 1985 negara Korea Selatan tidak akan meminjam lagi kepada dunia luar dan akan berdiri di atas kaki sendiri.

Saya berharap Kementerian Kewangan juga harus meniru dua contoh negara Timur ini iaitu seperti Jepun dan Korea supaya belanjawan kita yang akan datang pinjaman-pinjaman daripada luar negeri harus dibataskan seberapa yang boleh dan percaya kepada semangat berdiri di atas kaki sendiri supaya negara-negara jiran seperti yang saya sebutkan tadi dapat kita halakan dalam masa yang tidak lebih 10 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak bercakap berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Menteri Luar Negeri tidak datang; Menteri Dalam Negeri ada dan pegawainya ada supaya dapat memperincikan sedikit sebanyak iaitu apa yang dibuat oleh Duta kita di New York pada masa Perdana Menteri kita menghadiri Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu ke-37 yang mana beliau ada membuat ucapan yang luar biasa yang

diakui oleh ahli-ahli fikir dan pemimpin-pemimpin dunia bahawa ucapannya amat jitu, tegas, dan berterus terang yang rasanya belum ditunjukkan oleh negara-negara kecil di dalam dunia kita ini yang begitu lantang dan berani.

Sesungguhnya ini membanggakan bagi kita Malaysia kerana Perdana Menteri kita telah membuat ucapan yang diakui oleh negara-negara dalam dunia sebagai satu ucapan yang sempurna yang mempunyai alasan-alasan yang lojik. Tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang kita harap akan memberi ikhlas kepada seluruh dunia khususnya di Bangsa-bangsa Bersatu pada masa itu dapat disebarkan dengan seluas-luasnya pertamanya melalui persuratkhabaran di New York sendiri tetapi tidak, sepatih perkataan pun tidak disebut apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di surat-khabar di New York. Ini amatlah kita kesalkan kepada negara yang mengakui mengamalkan demokrasi dan suratkhabar yang mengakui kononnya terus terang apa sahaja disebarkan, tetapi sebaliknya tidak. Bagaimanapun, saya tidak akan membebaskan ini kepada Kerajaan yang bersabit tetapi saya hendak bertanya kepada Duta kita. Saya selalu mengingatkan Duta kita di seluruh negara yang kita hantar adalah sebagai satu lambang, sebagai satu harapan ulung negara bagi menyebarkan atau menyemarakkan nama baik serta apa sahaja usaha politik dan diplomatik yang boleh mengembangkan nama negara dan bangsa kita di luar negeri khususnya di negeri-negeri yang kita tempatkan mereka itu.

Saya amat hairan mengapa Duta kita khususnya di New York ataupun kakitangan Kedutaan kita yang ada di sana tidak menjalankan tugas secara teratur mengikut perkembangan yang ada sebagaimana yang dibuat oleh

Duta Amerika di Malaysia kita ini. Banyak berita-berita Amerika yang disiarkan, banyak perkara-perkara maklumat yang penting yang dapat disiarkan menerusi suratkhbar negeri ini. Kenapa kita tidak boleh dilakukan di sana. Jadi, saya ingatkan kepada Duta-duta kita di luar negeri khususnya kepada Kementerian Luar Negeri yang mana selalu saya mengingatkan hal ini sebab kita tidak boleh memandang dalam negeri kita sahaja, sebuah Kerajaan yang baik dalam dunia dia mesti duduk seperti duduk di atas gunung dia boleh lihat laut, tasik, bukit, kampung, semua dia boleh nampak. Itulah Kerajaan yang baik. Janganlah menyangka kita sahaja sepertimana kata Perdana Menteri kita yang baru menasihatkan supaya mengembalikan maruah bangsa Melayu jangan kita jadi seperti katak di bawah tempurung, kita mesti luas. Tetapi malangnya perkara yang semacam ini saya kesal sepatutnya dengan daya usaha dan kepintaran Duta kita dan kakitangannya suratkhbar-suratkhbar di New York akan dapat mengeluarkan berita-berita ucapan Perdana Menteri kita yang amat tegas itu.

Saya tidak hendak memuji lebih-lebih kepada Perdana Menteri kita, tidak; tetapi sebagai rakyat negeri ini kita mahu pemimpin kita berani, kita mahu tegas jangan berani dalam negeri sahaja. Dihadapan raksaksa dunia pun dia akan tegas apa yang dikata oleh pemimpin kita. Sebab itu saya ulang lagi sekali ini adalah satu pengajaran sebagaimana saya mengingatkan dulu terjadi kepada Duta kita di Australia semasa lawatan Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak di sana, berani penuntut-penuntut Malaysia sendiri tunjuk perasaan mengatakan tidak baiknya pemimpin Malaysia ataupun Kerajaan Malaysia. Alangkah buruknya dan saya minta Dewan ini juga bertindak balas

kepada Kerajaan Australia sendiri. Kalau dia berani boleh merendahkan pemimpin kita, kita tidak ada sebab kita hendak meraikan dia datang ke Malaysia dengan memberi hampan merah. Begitu juga sebaliknya apa yang berlaku baru-baru ini di New York kepada Perdana Menteri kita. Kita beri amaran walaupun apa bangsa sekalipun di dunia ini, kita menghormati orang dengan kaca mata dua, kita hormat dia dan dia hormati kita. Jangan kita panggil dia tuan dia panggil kita hamba. Tidak ada tempat di dalam dunia yang moden hari ini, tidak ada tempat kepada apa bangsa yang mengakui gagah tidak ada tempat dia boleh menyatakan ada bangsa second class yang rendah daripada dia. Semua sekarang kita mahu adalah sama, itu Kerajaan yang berdaulat lagi merdeka.

Jadi, saya ingatkan balik, jangan terjadi di Australia dahulu, rupanya dalam masa ini terjadi lagi di Amerika satu perkara yang kita tidak puas hati ucapan Perdana Menteri tidak dihiraukan langsung.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan
Mesyuarat)

Saya harap Kementerian Luar Negeri jangan lagi kejadian ini berlaku, sekarang ini sudah dua kali, di Australia dan di Amerika. Saya harap dapat diambil ingatan dan membetulkan demi keutuhan dan kebaikan nama bangsa dan negara kita.

Yang kedua, saya hendak mengingatkan Menteri Luar Negeri tentang Persidangan Palestin yang akan diadakan pada 2hb Mei, 1983 yang akan hadir 40 bangsa negara islam. Alangkah baik dan syukur kepada Tuhan mereka akan hadir di Kuala Lumpur kita ini iaitu 40 bangsa dari negara-negara Islam serantau

yang akan datang ke mari pada 2hb Mei, 1983 akan datang. Saya hendak mengingatkan siang-siang lagi kepada Kementerian-kementerian bersabit supaya menyediakan dengan baik. Saya memuji pegawai-pegawai Kerajaan kita yang telah membuat beberapa usaha dalam masa-masa yang lalu sehingga beberapa persidangan dunia, persidangan-persidangan yang diadakan di negara kita ini dan bila kita pergi keluar negeri kitapun bangga orang memuji.

Saya dengar sendiri orang memuji Malaysia ini seronok, bagus, banyak keadaan yang baik, mereka datang mesyuarat di tempat ini. Saya mahu dari semua peringkat ala atau cara Islam dibuat. Kalau kita sudah menentukan Universiti Islam diletakkan dalam negara kita ini, kita mesti gambarkan kepada 40 negara Islam yang akan datang, kita buat serupa yang kita capak. Hotel kita, makanan kita, layanan kita adalah secara Islam. Ini saya hendak mengingatkan betul-betul supaya kita melambangkan kebaikan dan sinaran Islam. Bukan itu sahaja kita akan mengingatkan kepada pakar-pakar pemimpin Islam kita, khasnya Malaysia yang mengadakan persidangan di sini supaya menunjukkan keunggulan persatuan dan persaudaraan Islam sejati dijelmakan dalam persidangan itu supaya mudah-mudahan titik pertemuan Islam seluruh dunia akan datang di Kuala Lumpur pada tarikh itu akan mencetuskan ikatan Islam yang paling gagah dalam dunia ini. Ini janganlah dikata mustahil sebab dengan kehendak Allah akan berlaku, insya Allah.

Saya ingatkan apa kata seorang pujangga Sir Mohamad Iqbal, Pujangga Islam yang masyhur yang mana Yang Berhormat-Yang Berhormat tahu, beliau itu dapat

hadiah Nobel Dunia. Apa beliau kata "Wahai sekalian orang Islam" khasnya beliau mengatakan masa itu orang-orang Islam di negeri Wilayah Arab sendiri—"Saudara-saudara mesti balik ke pangkal jalan, bersatu balik mengikut kaedah Islam, mengikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w.. Jangan lagi sesama Islam bercakaran. Jangan lagi sesama Islam bermusuh-musuhan, apa lagi berperang-perang dan berbunuh-bunuh."

Seperti yang kita tengok pada hari ini yang memalukan sekali umat Islam dalam dunia ini. Apalah sama-sama Islam berbunuh, berperang. Dan ada orang memuja pula orang-orang yang macam itu bagus pula. Ada orang Islam sendiri pula memuja, saya hairan. Prinsip Islam ialah Islam dengan Islam adalah bersaudara. Tidak ada fasal bermusuh-musuhan. Apa yang tidak boleh dibetulkan, silapkah, ada kelebihan apa-apa yang tidak betul boleh dibetulkan dalam Islam secara Islam yang baik. Jadi, saya tak usah bercakap banyak hari ini. Saya berharap tokoh-tokoh kita yang menjadi wakil dalam persidangan itu supaya memainkan peranan yang penting mengikat balik kejalinan Islam sejati dan bangkitlah persatuan Islam sebenar-benarnya dalam dunia yang moden ini supaya dapat menjangkau kepada segala yang remek-remek dan yang kecil diketengahkan. Kita mendapatkan satu jalan yang tegas sebagai yang dikehendaki oleh Islam sendiri.

Begitu juga saya hendak sebutkan tentang ASEAN; ini Kementerian Luar Negeri juga. ASEAN harus menyemak balik dalam masa 10 tahun sudah diikat di antara 5 negara ini bersatu dalam ASEAN supaya lihat balik kepada kaca mata pentadbirannya dan kaca mata pergerakan kemajuannya dalam serampang ekonomi bersama dan

dalam serampang ikatan pertahanan kita. Mungkin kita ada sebut pertahanan tidak berbangkit dalam ASEAN ini, tetapi adalah kesilapan besar dalam sejarah dunia bahawa negara-negara yang lumpuh kekuatan pertahanan serupa dia mendedahkan dadanya untuk ditikam oleh musuh dengan senang sahaja. Sebab itu, saya hendak mengingatkan ASEAN kita belum tentu cara-cara komunis seluruh dunia, cara-cara perkembangan komunis kita tahu bukan sudah mati, komunis ada cita-cita lagi, komunis masih menjadi kuasa besar dalam dunia, Komunis masih ada di negara kita ini. Sebab itu, saya hendak menyebutkan supaya bersedia dalam hal-hal yang amat bahaya pada masa akan datang bagi ASEAN sendiri sebab selalunya negara-negara kecil, apa lagi, tidak berusaha memperkuatkan pertahanannya, memperkuatkan penjagaan kawalannya dan keselamatannya sudah tentu bila-bila masa sahaja boleh menghadapi malapetaka yang besar yang boleh menjahanamkan negara itu sendiri. Sebab itu, saya tiap-tiap kali membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dalam bahasan Ucapan Belanjawan tiap-tiap tahun, saya selalu membangkitkan hal ini, mengingatkan Kerajaan, mengingatkan Menteri-menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga supaya pertahanan negara sentiasa dijaga. Wang untuk peruntukan pertahanan Darat, Laut dan Udara sentiasa jangan dipotong. Apapun kedua-dua kekuatan ini mesti seimbang. Kekuatan ekonomi kita dengan kekuatan pertahanan dan pengawalan dan keselamatan negara kita mesti seimbang. Sebab kita tengok satu sejarah dunia Israel-orang Yahudi bukannya ramai orang Yahudi, tidak ramai tetapi ekonomi dalam tangannya, pertahanan dia kuat, bangsa yang besarpun fikir dua kali

kalau menghadapi Yahudi. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memutuskan satu-satu perkara yang adil, dia buat tidak tahu, dia masih tembak, bunuh lagi orang. Inilah keadaannya yang harus kita jadikan contoh kalau kita tidak kuatkan dahulu pertahanan, dalam ekonomi kita, kita memangnya negara yang akan membahayakan negara kita sendiri. Sebab itu saya mengingatkan kepada Kementerian Luar Negeri iaitu ASEAN mengambil daya-utama menganalisa hal ini.

Dalam detik-detik sejarah dunia negara-negara tamadun dalam dunia banyak yang telah lama berkembang jatuh. Misalnya, Napoleon pemimpin besar berapa lama memerintah dia jatuh, berapa banyak negara-negara tamadun yang besar dalam dunia ini jatuh apabila tidak diseimbangkan keadaan-keadaan semasa yang harus diatasi, terutama dalam pertahanan dan di dalam bahagian ekonomi negara itu sendiri. ASEAN kalau benar-benar hendak bangun mestilah ekonomi dan pertahanan negara ASEAN diutamakan dengan lebih berani dan radikal. Apa peduli dunia, sebab siapa bangsa yang gagah dia tidak peduli kalau satu negeri sudah dijatuhkan oleh musuh yang lain tidak ada siapa yang pedulikan kita melainkan kita sendiri. Sebab itu negeri ASEAN mesti mengambil pelajaran. Kalau kita hendak kuatkan pertahanan ASEAN dalam ertikata yang sebenar mestilah mempertahankan diri kita dan kawalan pertahanan Laut, Darat dan Udara kita sendiri. Bagaimanapun, saya dengar suara-suara daripada pemimpin ASEAN, negeri dekat dengan kita telah melantangkan supaya menyuarakan pertahanan harus dijalankan, tetapi saya dapati dalam segi diplomatik ASEAN menolak kononnya kita tetap neutral, kita tetap tidak berikat dalam

pertahanan. Saya menyeru kepada Dewan ini supaya memikirkan balik. Ada orang yang mengatakan terus terang kepada dunia dia mahu mempertingkatkan pertahanan, ada orang yang diam-diam sesama sendiri dia boleh buat pertahanan, itu terpulung kepada kebijaksanaan ASEAN sendiri tetapi walau bagaimanapun pertahanan mesti diutamakan bagi keselamatan negara kita masa ini dan masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap lagi dalam Kementerian Luar Negeri, tetapi saya puji hendak Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie yang sekarang ini memainkan peranannya di antarabangsa yang saya rasa kadang-kadang sebagai kancil, berani, cerdik dan kadang-kadang menguntungkan banyak kepada Malaysia. Saya hendak puji Menteri kita, Tan Sri Haji Muhammad Ghazali yang saya tengok sekarang memainkan peranan yang banyak, yang baik dalam diplomatik antarabangsa khasnya di rantau kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak masuk kepada Menteri yang kedua, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya ingatkan balik supaya jaga rahsia dalam negara ini. Tangkap orang yang mengeluarkan rahsia negara. Ini tidak peduli siapa, siapa yang mengeluarkan raksia negara, siapa yang menyebarkan rahsia, macam kata sahabat saya Yang Berhormat Tuan Abdul Razak, Menteri belum bercakap atau bercakap di sini, esok sudah ubah harga dan ada lebih daripada itu.

Sebagai seorang ahli Dewan yang berkeyakinan, bertanggungjawab, kita juga menganalisa ini, kita juga mendapati ada pejabat yang

membocorkan rahsia Kerajaan, tetapi bukanlah semua orang, ada di antaranya yang telah membocorkan rahsia Kerajaan yang amat penting, pada hal mereka tidak tahu, bocor rahsia Kerajaan ini ada negara-negara yang membunuh langsung orang itu, ditangkap dan dibunuh, sebab itu amat bahaya tetapi kita tidaklah sekeras seperti itu, bahaya membocorkan raksia Kerajaan ini, apa Kerajaan pun dalam dunia ini, bukan Kerajaan demokrasi atau apa, ala-islam, ala-komunis, tidak boleh dikeluarkan.

Saya mengingatkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menganalisa perkara-perkara membocorkan rahsia Kerajaan walaupun rahsia yang kecil tetapi ertinya amat besar. Itulah umamah namanya, kalau kita sudah umamahkan menjaga satu rahsia, kita buka, kita bukan umamah namanya dan bukan umamah kebaikan, peribudi atau moral seseorang amatlah terduga, kalau dia bukan umamah.

Timbalan Yang Dipertua: Ini masuk Budget, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Masuk budget, masuk wanglah. Kalau tidak keluar wang, rahsia keluar, habislah, Tuan Yang Dipertua. Jadi saya ingatkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menjaga jangan bocor rahsia negara. Itu sahaja kepada Menteri ini.

Saya hendak sentuh mengenai Malay Reserve (Simpanan Melayu). Ini pendapat saya. Maaf saya kalau bukan orang Melayu, nanti kata saya sentimen, saya emosi—tidak, ini bercakap di bumi nyata, berlandas kepada akar tunjang, ke dalam bumi yang nyata. Saya hendak mengingatkan Kerajaan sekarang supaya menganalisa kembali mengenai Malay Reserve.

Ada tanah Malay Reserve (Simpanan Melayu) dijual kepada orang bukan Melayu. Ada orang Melayu sendiri yang menjulkannya, ada pula yang bukan Melayu pula mengupah orang Melayu pergi beli tanah itu untuk kekayaan dia sendiri, bukan kekayaan bangsa dia, kekayaan dia sendiri, tidak boleh salah. Orang bukan Melayu pun bukan semuanya tidak bagus, ada juga yang bagus, ada juga tidak bagus, serupa orang Melayu sendiri pun, ada yang tidak bagus—yang menjual itu, yang jadi tali barut pergi menjualkan tanah itu. Ini saya hendak ingatkan Kerajaan tentang bahaya ini, sebab saya teringat perkara ini dalam Council of Federated Malay States masa zaman penjajah dahulu, Almarhum Raja Chulan, seorang Raja negeri Perak berlawan dengan orang Putih, Sir Cecil Clementi, Gabenor masa itu, dia berkata: mesti tuan siapkan, selamatkan negeri orang asal negeri ini, tanahnya, pesakanya mesti jaga, bukannya orang kita penakut, bukan semua orang Melayu ini takut orang Putih, banyak orang Putih yang ditembak pun ada. Di Kuala Kangsar, saya cerita kepada tuan-tuan, orang Putih lalu secara kasar ditembak tayar kereta itu, meletup. Saya hendak cerita tetapi janganlah masukkan perkara ini dalam suratkhbar pula, tidak ada apa faedahny.

Saya hendak ceritakan balik mengenai Reserve Melayu, Sudah dilawan masa penjajah lagi, bukan masa kita sudah merdeka atau masa sudah mempertuankan hak orang yang punya, balikkan negeri ini kepada orang yang punya—belum lagi, masa kita dijajah, kita ingatkan supaya selamatkan orang Melayu, orang Melayu ini maklumlah bukannya pandai sangat dan bukannya ingat sangat, selalunya baik budi sahaja, yang banyaknya mereka tidak ada apa, tak apalah. Eh! susah sekarang, ambillah, misalnya begitu selalu dan

ada banyak lagi. Jadi, saya ingatkan Kerajaan yang bertanggungjawab supaya tanah Reserve Melayu ini dianalisa balik.

Pada masa satu setengah tahun dahulu saya seronok tengok, ada Menteri suruh ambil balik, bayar balik Tanah Reserve Melayu, semua daerah, semua negeri disuruh siasat, saya tidak tahu langsung hasilnya mana? Apa yang disiasat, apa keputusan, saya pun tidak tahu. Pada hal ini adalah tanda-tanda bahaya kepada orang Melayu sendiri. Setengahnya itu hendakkan wang, berkehendakkan lekas kaya dapat wang, dijualkannya tanah pesaka ibubapa, datuk-nenek ataupun dirinya sendiri, anak-anaknya masa depan tidak ada tempat hendak duduk lagi. Bahaya ini saya ingat jelas, banyak ada dan saya mahu Kerajaan bertanggungjawab bukannya Malay Reserve ini di kampung sahaja tetapi menyeluruh dalam negeri sampai di bandar-bandar, janganlah orang datang ke negeri ini tengok, kata negeri ini negeri Melayu, mana ada orang Melayu berniaga besar pada amnya merata pekan di Kuala Lumpur ini, Penang Ipoh dan lain-lain. Di Johor Bahru, tempat Tuan Yang Dipertua, maaf, Tuan Yang Dipertua bukan dari Johor Bahru dari Muar misalnya, ataupun di Pulau Pinang. Katanya, ini negeri-negeri Melayu termasuk bandarnya.

Saya bercakap ini terus terang, yang benar. Tengok taukeh kedai di sini bukan orang Melayu, sini bukan, sana bukan malu kepada identiti negeri Melayu sendiri. Orang tidak mahu kata negeri Melayu, tidak mahu tidak apa; orang tidak mahu kata aku ini negeri Melayu—tidak apa, tetapi adalah hak hakiki bangsa Melayu, ini negeri dia. Bolehkah orang Melayu mengatakan negeri China itu negeri orang Melayu? Tidak boleh, tetap

negeri China, India, nun di sana Puan Indira Ghandi, bolehkah kita kata, oh! saya punya negeri Melayu. Tidak boleh. Orang China pula, oh! negeri india itu negeri China, tidak boleh. Kalau dia kata itu, biar dia bercakap tetapi India itu tetap orang India punya. Jadi negeri ini, saya hendak bercakap negeri ini Melayu punya, tidak usahlah kecil-kecilkan, di samping itu pula orang Melayu tidak pula marah, siapa jadi rakyat negeri ini dia pun sama dapat hak, tak apa, tetapi dia pun mahu mengaku, memang dia pun mengaku, negeri ini asalnya orang Melayu punya. Jadi saya hendak ingatkan iaitu Malay Reserve ini mahulah menjalar ke bandar, di pekan di mana-mana juga di seluruh pelusuk negeri ini dibuat, jangan di Kampung sahaja ada Malay Reserve, di Kuala Lumpur mana dia Malay Reserve, kampung Melayu itu sahajakah ataupun bagaimana? Saya tidak marah orang lain yang bukan melayu, merekapun terasa dalam hatinya, apalah orang Melayu ini, biarlah sahaja, mereka diam, dunia ini adanya begitu. Kalau diam sahaja tidak adalah, diam tidak apa, berilah semua. Tetapi saya hendak ingatkan Kementerian yang bertanggungjawab, di bandar-bandar, seluruh bandar dalam Malaysia—bukan Kuala Lumpur sahaja, siapa juga yang menjaga bandaraya Kuala Lumpur ini, Menteri yang menjaga Wilayah Persekutuan hendaklah dia sedar, jangan dia buat diam hal ini supaya beliau dapat memperuntukkan khasnya tanah bagi orang-orang Melayu di Kuala Lumpur ini seimbang, biarlah kata seimbang sepatutnya orang Melayu lebih banyak lagi, sebab negeri mereka. Siapa Yang Berhormat di sini hendak nafikan cakap saya ini? Kalau negeri dia, patut orang itu dapat lebih banyak. Ini adil, dunia akui ini adil. Saya tidak tahu pula kalau negeri ini negeri orang Melayu dia pula dapat hanya 10%, duduk di Kuala Lumpur hendak miliki bandar Kuala Lumpur 10%. Adil apa?

Setan punya negerilah. Bukanlah ini boleh dinamakan kemanusiaan. Jadi saya berharap kepada setiap Menteri berkenaan akan meletakkan balik Malay Reserve ini menyeluruh demi keadilan hak tuannya negeri ini sendiri sebagai hak tuannya negeri seperti juga bangsa-bangsa di seluruh dunia ataupun di mana sahaja dalam dunia ini.

Kalau kita orang Melayu pergi ke England kita mesti mengaku itu negeri orang Putih. Kita mengaku tidak boleh marah kalau dia memperkatakan: Ini aku punya, patut aku dapat ini negeri. Itu adil. Siapa yang mengatakan tak patut, orang itu lebih baik jangan berpijak di bumi negeri itu lagi, sebagaimana saya katakan dia bukan berpijak di bumi nyata, dia berpijak di bumi fikirannya sendiri. Jadi Malay Reserve ini saya harap supaya Menteri-menteri yang berkenaan di seluruh negara yang bertanggungjawab supaya apa yang dibangkitkan oleh Sir Raja Chulan dalam mesyuarat Federated Malay States semasa penjajah lagi, saya harap dalam masa merdeka ini supaya perkara ini jangan diabaikan, hak abadi hak asasi bangsa peribumi sendiri.

Selanjutnya, Tuan Yang Dipertua, saya mohon maaf, ucapan saya tadi, saya takut, Tuan Yang Dipertua masam sahaja. Ini bersabit dengan perkara penting lagi iaitu kebudayaan dan bahasa nasional. Saya hendak sebutkan perkara ini sebab Dewan ini akan mengutuk setiap Ahli Dewan ini yang tidak memperkatakan perkara yang hak dan sebenar iaitu hakkul-yakin, nurul-yakin dan ainul-yakin. Perkara yang benar mesti diperkatakan, Tuhan apa bangsapun dalam dunia ini, khasnya Tuhan kami mengatakan: Katakanlah perkara yang benar, walaupun pahit. Tetapi pahit yang akan menjadi ubat. Jadi siapa

juga tidak boleh menafikan ini bahawa kebudayaan dan bahasa nasional negeri ini adalah sudah diakui bukan sahaja sebelum merdeka semasa penjajah bahkan sebelum kita meletakkan asas kemerdekaan negara ini telah diakui oleh semua bangsa negeri ini kebudayaan negeri ini adalah kebudayaan yang berteraskan anak bumiputera. Ini adalah adil di seluruh dunia, misalnya, di England, kebudayaan dia mesti kebudayaan British, di India kebudayaan dia kebudayaan India jadi teras. Di negeri China mesti kebudayaan China jadi teres di negeri China. Dalam Malaysia, negeri Melayu kebudayaan Melayu menjadi teras. siapakah, bangsa apakah, rakyat apakah dalam negeri ini yang tak mahu mengakui hakikat ini dan hendak diselewengkan perkara ini? Saya hendak bertanya apa sebabnya Undang-undang dari mana? Peraturan dari mana? Lojik dari mana? Professional dari mana? Sekarang orang banyak mengatakan dirinya professional, tetapi lawyer burukpun ada, memperkatakan sesuatu dengan merendahkan Dewan ini adalah "lawyer buruk, bukan lawyer betul". Betulkah? Tuan Yang Dipertua?

Timbalan yang Dipertua: Betul.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Betul, terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Jadi ini masalah kebudayaan dan bahasa nasional negeri ini tak boleh dinafikan adalah bahasa anak peribumi negeri ini. Sebagaimana saya kata tadi, kebudayaan bumiputera yang lain kebudayaan negeri itu sendiri, misalnya Ceylon, kebudayaan dan bahasa nasionalnya bahasa Ceylon. Apa fasal pula di Ceylon bahasa Hokkien menjadi bahasa rasmi di situ, misalnya. Mana boleh terima? Tidak boleh. Jadi, saya hendak menyebutkan sekali lagi tentang kebudayaan nasional yang baru-baru ini ada perjumpaan intelektual kita, profesor-profesor kita di Melaka. Saya

ada dengar pekaru ini dibahaskan. Pada masa ini tak boleh dibahaskan. Ini sudah termeteri dalam Perlembagaan negara kita, sudah termeteri sebelum kita merdeka lagi, semua rakyat yang mengakui negara ini negaranya mengakui Bahasa Kebangsaan kita adalah Bahasa Melayu, kebudayaan kita kebudayaan Melayu sebab ini negeri orang Melayu.

Kalau kita pergi ke negeri lain, maka bahasa negeri itulah bahasa kebangsaannya. Siapa pula mengatakan tak mahu ini? Saya hendak tanya? Baiklah di dalam Dewan ini barangkali kalau ada Ahli Yang Berhormat dari bukan Melayu, rakyat Malaysia tak setuju, katakan yang saya ini tidak betul. Cuba bangkit. Saya hendak dengar. Tidak ada. Maknanya mereka pun sokong pandangan saya. Jadi, perkara ini tidak berbangkit lagi, bahasa nasional, kebudayaan nasional kita ialah kebudayaan anak peribumi negeri ini hanya yang berbangkit ialah pelaksanaannya. Ini yang saya hendak bercakap, pelaksanaan dan tanggungjawab adalah para menteri dan pegawai kerajaan kita. Malangnya, Tuan Yang Dipertua, ada juga orang-orang kita, setengahnya agak saya, masa dia bercakap orang Putih itu dia rasa dia jadi betul-betul macam orang Putih, dia sendiri berasa naik pangkat. Kalau berbahasa bangsa dia sendiri konon dia menjatuhkan maruah dirinya. Ini sebenarnya bayang-bayang—orang hidup macam ini ibarat bayang-bayang—bukan hidup diri dia sendiri sama sebagaimana perabut di muzium nampak ular, naga dan orang dalam muzium itu, tetapi mati, kerana nyawa tak ada. Jadi saya pandang siapa juga yang mengkhianati bahasa nasional, kebudayaan nasional dan berbahasa orang lain lebih tinggi, mereka macam perabut di muzium—maafkan saya

tempatnyanya. Jadi yang bernilai dalam hidup kita ialah nilai kita hidup yang sebenar yang mengakui hakikat yang nyata, berdiri di atas rel yang tegas, junjung langit yang nyata di atas kepala kita, bukan langit di negeri orang lain. Saya hendak cakap kepada seluruh Menteri kita, seluruh pegawai kita dan juga seluruh rakyat kita semua ini, bahawa kebangsaan dan kebudayaan nasional atau kebangsaan kita ialah tidak dapat diubah lagi, sudah tetap.

Di samping itu, saya hendak menyebutkan juga bahasa dan kebudayaan rakyat Malaysia yang lain tak pernah diketepikan, jalanlah, misalnya, orang keturunan China hendak main tarian naga, mainlah naga. Itu kebudayaan dia. Bunyilah gedung dung, dung, main puas-puas, tak ada salahnya, baik agama dan kepercayaan dia, baik kebudayaan dia, jalanlah. Inilah satu negeri yang menunjukkan demokrasi yang nyata sekali, tidak membenteras ataupun merosakkan kebudayaan sesiapa ataupun bahasa sesiapa ataupun apa yang dia suka main oleh orang-orang demikian itu. Saya hendak ulang balik supaya Menteri-menteri, pegawai-pegawai Kerajaan kita semua menggunakan balik hak kenyataan, jangan kita letakkan taraf kita macam perabut di muzium. Jadi tiap-tiap Menteri dan tiap-tiap pegawai Kerajaan menggunakan bahasa nasional kita, Tak usah kita tengok jauh, dalam ASEAN kalau orang pergi ke Thailand, nampak di sana digunakan bahasa dia, dia tak peduli, dia tetap menggunakan bahasa dia. Menteri Luar Negerinya yang mempunyai identiti sendiri, dia datang ke sini, dia cakap bahasa dia sendiri, pakailah penterjemah orang lain padahal dia boleh berbahasa Inggeris. Sebenarnya, saya teringat bahasa dan semangat orang Timur, saya ingat semangat orang Jepun, dengan izin, Tada shikato rippana koto sinumade

ikinau imas. Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kalau saya hendak bercakap Jepun, saya memang boleh bercakap, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Betulkah itu? (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Betul. Apa dia ertinya, Tuan Yang Dipertua? Ertinya: Perkara yang betul, perkara yang benar, perkara yang baik hendaklah diamalkan sampai mati. Jadi memperkatakan bahasa nasional, kebudayaan nasional katalah terus-terang, amalkan sampai mati. Itu betul. Ini betul-betul pandang ke Timur. Dalam perkara ini, saya harap supaya kita sama-sama dapat tegakkan perkara ini dalam erti kata yang sebenarnya.

Saya ringkaskan, saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan kita dan Menteri-menteri kita pun kebanyakan semangat mereka lebih lagi daripada kita, bukan pula koman. Banyak pegawai-pegawai dalam negeri kita memang baik-baik juga, stail-stail belaka, kalau pergi pejabat, hebat-hebat belaka. Saya percaya mereka memang boleh memainkan peranan supaya bahasa nasional tetap terjamin dalam masa tempoh dua tiga tahun akan datang. Kita akan tengok dalam negara kita akan berubah dengan seberapa cepat, sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Negara kita Dato Seri Dr Mahathir sendiri.

Sekarang saya hendak tanya kepada Menteri Pengangkutan, tetapi dia tidak ada. Saya hendak sebut pada hari itu, hendak ditanya lagi tidak dibenarkan oleh Tuan Yang Dipertua, takkan hendak dijawab berpuluh-puluh kali, tetapi di sini tempat saya hendak bercakap dan di sini juga tempat dia akan menjawab besok atau lusa.

Mengenai Kementerian Pengangkutan, saya harap pegawai-pegawainya pun ada tolong beritahu kepada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Kerajaan ada menggunakan banyak belanja dalam soal pengangkutan ini, iaitu lebih kurang \$1,973 juta, program-program pengangkutan dan hubungan—banyak disiapkan. Jadi saya hendak bercakap kepada Menteri ini, beliau bercakap mengikut sedapnya sahaja, ini saya dengar, tetapi saya hendak sentuh dalam dua perkara berkenaan dengan MAS dan keretapi.

Saya ada mengambil sedikit bahagian dahulu, jadi saya hendak bercakap lagi mengenai keretapi. Keretapi ini daripada tahun 1978 hingga 1982 lebih kurang 600 lebih kejadian melempar batu dan ada yang mati, ada yang buta mata, tetapi sama ada diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri atau tidak perkara ini saya rasa memalukan negara. Adakah kita di sini tanggungjawabkan Ketua Kampong sahaja report kepada Polis begitu sudah cukup? Itu sahaja kerja kita? Ataupun kita ambil tahu dan kita rasa sedih perkara ini berlaku diharap tidak akan berlaku lagi.

Saya hendak beritahu satu reaksi negeri sahabat yang berdekatan dengan kita, lebih kurang 5 atau 6 tahun dahulu negeri sahabat kita, saya tidak hendak sebut negeri itu tetapi tidak berlaku lagi kejadian itu sampai sekarang kejadian baling batu di negerinya tidak ada. Macam-macam dia buat di tempat yang berlaku baling batu itu dikumpulkan semua ibubapa, orang muda, orang tua semua dikumpul dan diberi amaran oleh Kerajaan negeri tersebut, kalau berlaku lagi sekali kejadian baling batu di keretapi, mahu bayar kepada keluarga simati atau tidak, kelakuan yang ganas macam ini, yang liar macam ini dia akan jalankan perintah

yang tegas. Orang kampung takut apabila dia dengar tegas, semua orang-orang kampung ini diperintah keluar, dicari satu tempat yang lain, di sini kita tidak benarkan awak buat rumah atau hidup di tempat ini. Itu dia dikeluarkan perintah, maka dengan perintah yang tegas, tindakan ini dapat ditangkap. Tuan Yang Dipertua, orang yang melakukannya, sebab mereka bersungguh-sungguh cari. Perkara ini kalau sungguh-sungguh mesti dapat, tetapi di negara sudah 600 kejadian berlaku, tidak boleh ditangkap, tidak tahulah sama ada sudah dapat atau tidak. Apa fasal? Di negeri sahabat kita dapat, dicari dapat betul, selepas itu diberi amaran buat sekali lagi, semua orang diperintahkan pindah, ibubapa, datuk nenek, adik beradik atau sesiapa pun dia tidak peduli, walaupun awak tidak buat, tetapi oleh sebab dalam kumpulan kampung ini yang melakukan keretapi kena baling dengan batu, mereka diperintahkan pindah, sampai sekarang kejadian itu tidak berlaku lagi di negeri berkenaan. Tetapi mengapa kita tidak buat? Saya bersetuju dan saya telah membuat satu penyiasatan sendiri, kalau silap saya minta orang yang berkenaan beritahu saya khasnya Menteri yang berkenaan.

Di Salak Selatan, dekat Kajang, kemudian sebelum sampai Seremban, saya dapati tiga tempat ini yang selalu ada berlaku kejadian membaling batu. Kalau penyiasatan ini tidak betul Kementerian yang berkenaan tolong beritahu. Di tiga tempat inilah letaknya rumah kilat, jadi saya tidak tahu adakah kanak-kanak atau orang mudah yang diupah supaya membaling batu supaya diketahui oleh negeri luar, negeri Malaysia ini kacau sahaja, naik keretapi pun takut mati kena baling batu ataupun ada perkara yang lain kita pun tidak tahu sebab kita belum dapat tangkap orang itu. Itulah sebabnya saya suruh dapatkan

kerjasama dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, mengapa pula tidak boleh? Jumpa Menteri Pertahanan pun boleh, kalau saya hendak jadi orang tengah, saya boleh pergi dengan Menteri Pertahanan, dan saya juga boleh pergi dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya boleh pergi, saya boleh cakap mengenai hal ini sebab orang curiga untuk menaiki keretapi, takut orang boleh buta mata, boleh sampai mati, Berdosa besar jika kita membiarkan perkara ini berlaku, kena kanak-kanak pula lagi, jadi fikiran orang tidak tenteram, orang yang ada hal umpamanya hendak menziarah emaknya sakit teruk ini dia naik keretapi, kadang-kadang dia hendak mencari nafkah, mencari gaji \$6.00, menjadi buruh di merata-rata bandar dengan gaji \$6.00 sehari atau \$5.00, dia pergi hendak mencari makan untuk dirinya dan anak isteri, ini yang dibaling batu bolehkah kita biarkan perkara ini?

Saya hendak mengulang perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya menjalankan satu cara yang menyeluruh baik kerjasama dari Menteri Pertahanan kalau perlu boleh, saya menawarkan diri kalau dikehendaki sama seorang yang hina-dina, yang kecil—boleh demi keselamatan manusia apa pula salahnya. Jadi saya mahu mereka bertindak sekurang-kurangnya menjadi contoh, negeri jiran kita telah pun di buat sekarang tidak berlaku lagi. Yang saya amat ambil berat ini sebab makin bertambah, hari ini makin bertambah 122 kejadian rasa saya semalam, sebanyak 122 kes telah berlaku dan pada tahun sudah ada kurang sedikit rasa saya, tetapi ini makin bertambah. Ini menyiksa manusia, membuat penganiayaan kepada manusia, kita tidak boleh biarkan, diharap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tolong ambil langkahan.

Yang kedua mengenai Kementerian Pengangkutan ini, saya ingin menyentuh MAS. MAS rugi, walaupun dia mengatakan seluruh dunia penerbangan rugi dalam dunia ini, tidak diterima oleh akal saya dan bukan sebenarnya saya jahil dalam hal ini, buat apa saya bercakap bohong. Saya sudah tahu bagaimana penerbangan negeri lain, tetapi penerbangan satu penghinaan pada Malaysia, saya ada bangkitkan perkara ini dalam Dewan ini dahulu, kita sebagai bangsa second class, di bawah orang putih. Itu memang saya buat penyiasatan, saya pergi di tempat kapal terbang orang putih di England, 2-3 tempat saya pergi memang terdapat perendahan pada kita, bukannya rendah kita membenarkan penerbangan 2-3 kali seminggu, kalau hendak membuat penerbangan tiap-tiap hari pun boleh. Apabila kita kira, kita kena bayar pula berjuta ringgit setahun, apa fasal? Ini saya tidak tahu sebab seluruh dunia kata demikian, penerbangan ini rugi, tetapi saya harap sebagai ada lain Menteri dalam dunia yang memberi keyakinan dirinya sendiri mengatasi ini semua, kalau dia tidak boleh mengatasinya, dia mengundurkan diri.

Saya tidaklah minta Menteri mengundur diri, saya hormat kepada beliau, dia boleh buat dan saya yakin dia boleh atasi supaya tahun 1983 MAS jangan rugi—itu saya minta. Apa dayausaha kalau petrol mahalkah atau apa cara juga saya minta diatasi supaya MAS jangan memalukan negara kita. Lagi pun supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang membazir itu harus dipotong, ini banyak mana-mana Jabatan pun ada berlaku sedikit sebanyak perbelanjaan-perbelanjaan yang harus kita boleh potong bagi menyelamatkan supaya jangan rugi. Kalau dia kata tidak rugi dan tidak untung pun tidak apalah, tidaklah begitu

sangat, ini tetap rugi, tahun depan tetap rugi, tetapi kita tidak tanya tahun 1984, adakah rugi juga, saya berharap akuan mengatakan rugi tahun 1983 atau seterusnya supaya diatasi dengan segala kebijaksanaan, kalau perlu bawa dalam Kaninet, berbincang dengan Perdana Menteri kita yang cekal sekali.....

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, saya cuma mengingatkan kalau dapat dipendekkan sedikit ucapan kerana di hadapan saya ini ada 10 orang lagi yang berhajat hendak berucap pada hari ini dan pada hari esok sudah ada 6 orang yang hendak berucap. Jadi saya fikir kalau mengikut seorang berucap setengah jam pun tidak dapat Ahli-ahli Yang Berhormat keseluruhannya, berucap, melainkan kita terpaksa melanjutkan masa pada sebelah malam. Sebelum saya menasihati Tuan Yang Dipertua membuat begitu, saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seberapa boleh tolong dapat memendekkan ucapan dan tujuan kepada Budget, mudah-mudahan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian. Di jempit.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Terima kasih. Ada lagi satu kita mengalu-alukan, mahu tak mahu, berkenaan perbelanjaan tahunan kita ini masuk semua, kita tak sebutlah ini masuk dalam perbelanjaan tahunan—tak payah, tetapi apa pun yang kita katakan, apa juga dalam Kementerian-kementerian jalankan adalah masuk di dalam perbelanjaan tahunan, siapa pun tak boleh nafikan. Jadi memang boleh kita bangkitkan ini secara menyeluruh demi keutuhan negara.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak bercakap fasal universiti yang keenam. Baru Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir mengatakan akan dibuat di Kedah, sebagai Ahli Dewan saya mengalu-alukan dibuat di negeri

Perdana Menteri sendiri setelah beliau bertungkus lumus dalam semua bidang menunjukkan kerja, kadang-kadang beliau memakai pakaian buruh, kadang-kadang memakai pakaian tani, kadang-kadang pakai baju macam orang kerja buruh arang, ini Perdana Menteri kita yang tak terbuat oleh Perdana Menteri bukan Malaysia, negeri lain juga dalam dunia, beliau hendak menunjukkan. Menteri menyuruh orang bekerja, beliau kerja kuat. Kadang-kadang saya duduk bersama dalam satu kapal terbang, biar saya cerita sedikit, tetapi ini yang mengkagumkan saya, lepas bercakap-cakap sedikit, orang pun semua tak tahu, beliau berdiri di atas pintu kapalterbang, berapa punya jauh, berpuluh-puluh batu, tak takut mati. Saya tanya beliau, apa guna pergi di pintu itu, walaupun doktor bukan boleh menyelamatkan semua badan kita. Kalau jatuh, patah bolehlah selamat, sudah rosak binasa tak terbuat. Beliau kata, jadi pemimpin bukan senang, mahu tengok tiap-tiap detik perjalanan kita semua mesti diisi, beliau mahu tengok rakyat, mahu tengok kampung-kampung yang dilalui, mahu tengok negaranya, gunungnya ini apa jadi, di mana kerja, di mana tempat hendak disimpan askar, ini dia katanya, saya terkejut. Inilah Perdana Menteri kita yang telah siang-malam bekerja keras menyeru kita dan membuatnya. Kita hanya bersyukur kepada Allah.

Jadi apabila beliau memperkatakan universiti, rakyat banyak hendak ini, mahu lagi universiti, tak cukup, beliau ambil cabaran dengan berani, buat satu universiti yang keenam, buat di negeri Kedah, negeri beliau sendiri. Jadi saya menyokong penuh apa yang dibuat di Kedah jangan disalah fahamkan, kita akan tunggu lagi beberapa penjelasan kepada seluruh rakyat apa sebab dibuat di Kedah, saya menyokong. Hanya saya pula mengusulkan sedikit sahaja. Satu

cawangan saya hendak, saya sudah mengemukakan di sini 4 kali dalam Dewan berturut-turut tetapi cawangan universiti, apa cawangan pun boleh, tetapi kalau boleh saya usulkan saya hendak usulkan cawangan universiti buat di negeri saya—negeri Perak, maaf, bukan negeri saya seolah-olah saya Sultan pula, buat dalam negeri Perak cawangan universiti, baik berkenaan petroleum atau perlombongan; perlombongan yang besar dalam negeri Perak. Jadi buatlah satu cawangan universiti dalam negeri Perak kerana sudah lama, berapa ribu ekar tanah diakui, saya sudah berjumpa dengan yang bertanggungjawab, tak jadi masalah, berapa hendak dia beri. Saya hendak mengusulkan, universiti yang keenam dibuat di Kedah, saya sokong penuh; satu cawangan universiti buatlah di negeri emas bukan, tembaga pun bukan, iaitu negeri Perak.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya minta Menteri yang menjaga barang-barang yang datang dari luar negeri, ada satu perkara besar, ini berkenaan video. Kita sudah luluskan setahun sudah, sekarang kita haramkan, maknanya tahun sudah kita membiarkan barang itu masuk, macam mana? Tidakkah dibuat penyiasatan menghalusi benda ini buruk baiknya, bukan video satu sahaja tetapi ada lain-lain, saya tak mahu sebut sebab ini yang disentuh sekarang, rakyat sudah katakan ini buruk. Kebanyakan pemuda-pemuda, orang-orang yang seronok membeli video sekarang ialah menggunakan gambar-gambar yang tidak sopan, gambar-gambar yang disukai oleh muda-mudi, tuan-tuan pun tahu, jadi bahayanya amat banyak, bahayanya amat ketara. Jadi saya menyokong benda ini harus ditarik balik.

Di samping itu ada baiknya, iaitu kalau dimasukkan sejarah-sejarah dunia, pemimpin-pemimpin besar

dunia riwayat hidupnya diceritakan dalam video, perkembangan-perkembangan Islam, pengembang kaum (confucius) apa pun boleh, orang-orang agama lain pun boleh mana yang baik-baik bagi umat manusia, bagus berbuat di video, bukan pula semua buruk, tetapi yang banyak kita gunakan sekarang ini saya setuju langkah Kerajaan banyak yang merosakkan. Saya berharap ini menjadi satu contoh dalam perkara-perkara yang dimasukkan dalam negeri kita ini jaga sedikit ataupun barang-barang yang datang walau negeri sahabat kita di Timur pun benda-benda ini harus diperhatikan dengan teliti, baru boleh dimasukkan dalam negeri kita ini.

Ini, Tuan Yang Dipertua, jangan marah, ini bukan soalan saya, saya sudah sentuh terlampau banyak tetapi saya menghormati Tuan Yang Dipertua, ini sahabat saya di sini beliau sudah bercakap berapa jam, saya pun tak tahu, tetapi ada juga lagi yang tinggal beliau suruh saya bercakap-tak usah?

Timbalan Yang Dipertua: Ya, cukuplah. Beri peluang kepada orang lain.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua kata tak usah, baiklah.

Saya sekali lagi menyokong anggaran wang tahun 1983 ini dengan berdoa kepada Allah supaya ia berjalan di atas landasan yang berani dan penuh tanggungjawab.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tan Sri Sinnadurai.

5.17 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong dalam pembentangan Belanjawan 1983.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan kerana membentangkan satu belanjawan yang telah diterima dengan baik oleh seluruh lapisan dan golongan rakyat dengan cadangan-cadangan untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, membendung inflasi dan menolong golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang Dipertua, nasib rakyat negara kita masa akan datang bergantung kepada cara bagaimana kita melaksanakan belanjawan yang dicadangkan ini dan juga bergantung kepada perasaan muhibbah dan keharmonian kaum negara kita. Juga, kerjasama yang erat, perkhidmatan yang jujur dan ikhlas dan sumbangan yang positif, disiplin dan keazaman, dedikasi dan motivasi akan memberikan kecekapan dan faedah yang lebih besar kepada negara kita seluruhnya. Semua ini hanya boleh dicapai menerusi usaha bersama dari semua yang berkenaan bagi faedah negara kita. Dengan cara ini sahaja rakyat masa akan datang dapat menjamin hidupnya dan maju kerana kita semua tahu bahawa taraf hidup dan kebajikan umum bergantung kepada pulihnya keadaan ekonomi menerusi sistem perniagaan kita dan keteguhan ringgit kita.

Tuan Yang Dipertua, biasanya satu-satu Kerajaan itu menggambarkan kekuatan hati rakyat yang tulin. Dengan izin, "normally a Government is a genuine reflection of the people's will and it is the spirit that moves the mind". Rakyat mestilah sedar akan tanggungjawab terhadap negara dan menyuarakan tanggungjawab itu untuk kebajikan keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin membangkitkan dua perkara yang difikirkan perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan dan juga difikirkan perlu untuk kebaikan negara kita.

Perkara pertama yang saya suka rujuk di sini ialah mengenai bayaran hospital. Saya fikir sebenarnya bayaran baru yang dikenakan sekarang adalah berpatutan dibandingkan dengan klinik-klinik persendirian dan hospital-hospital swasta. Ahli-ahli Yang Berhormat kita jangan lupa bahawa ini adalah Kerajaan rakyat, oleh itu rakyat mahukan kesihatan dan kebajikan mereka dijaga dan mereka tidak dikenakan berbagai-bagai cukai.

Perkara kedua yang saya hendak kemukakan di sini ialah mengenai peristiwa yang disebutkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat pada hari yang lalu di Dewan yang mulia ini. Saya rasa dukacita apabila Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa seorang pesakit baru-baru ini telah mati di Bilik Jagaan Rapi atau, Intensive Care Unit (I.C.U.) di hospital disebabkan kurang perhatian kepada pesakit tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya juga telah dapat sungutan daripada pesakit-pesakit bahawa setengah pakar kanan tidak pernah melawat pesakit-pesakit kelas Tiga, manakala satu dua orang daripada pakar-pakar ini lebih memberatkan kesihatan mereka sendiri atau lebih mengutamakan mesyuarat-mesyuarat Lembaga. Setengah-setengah doktor dibenarkan bekerja di tempat yang sama beberapa lamanya manakala yang lain-lainnya berasa keciwa dengan gaji dan keadaan pekerjaan sebagai pendaftar-pendaftar unit.

Tuan Yang Dipertua, ini telah berlaku bahawa beberapa orang daripadanya dengan rekod yang kotor, even with bad testimonials, dinaikkan pangkat. Yang demikian keadaan ini melemahkan semangat doktor-doktor yang rajin. Dengan izin, as I said before, it is the spirit that moves the

mind, so this demoralises them. Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah menubuhkan Cardiac Unit. Ini adalah hasil yang saya telah suarakan di Dewan yang mulia ini pada tahun 1978. Terima kasih saya ucapkan kepada Datuk (Dr) Haji Abdul Khalid bin Sahan, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan dan juga Datuk Abdul Majid bin Tun Haji Abdul Aziz, Pengarah Hospital Besar Pembedahan jantung dijalankan di hospital Besar kita. Baharu-baharu ini pembedahan coronary by-pass operation telah dijalankan dengan jayanya. Saya telah ditemuduga oleh RTM mengenai perkara ini.

Datuk (Dr) Khalid memberitahu saya bahawa janjinya kepada saya untuk menubuhkan Cardiac Unit telah dipenuhi. Apa yang akan berik特 sekarang ialah membesarkan Unit ini dengan melatih lebih ramai lagi pakar-pakar jantung, menambah lebih banyak tempat tidur dan kakitangan para-medical staff yang mahir to be trained in intensive and coronary care. Selanjutnya saya sukacita menyatakan di sini Datuk (Dr) Khalid adalah seorang yang bekerja di bawah saya yang demikian saya mempunyai penuh kepercayaan di atas kebolehan dan keupayaannya untuk meneruskan jasa baiknya dalam membaiki jagaan pesakit dan keadaan perkhidmatan di Hospital ini. Dengan izin, I am confident that not in the too distant future patient's care and working conditions will improve, though specialist services of the hospital mainly depend on the specialist himself, his compassion and concern for his patients and his attitude and training towards the "V.O.P."—the very ordinary patient.

Tuan Yang Dipertua, setakat inilah sahaja pandangan-pandangan yang ikhlas daripada saya. Dengan izin, I

felt I should say all these because of an alleged complaint, though it is said it is wiser to practise professional reticence. Be that as it may, I do hope that the Health Ministry will take note and give a thought to this.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1983.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam.

5.27 *ptg.*

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyentuh sedikit dalam Dewan yang mulia ini.

Saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini iaitu pada 15hb Disember, 1982. Di dalam membahaskan ucapan Belanjawan 1983 ini, ingin saya menyentuh beberapa perkara yang pada hemat saya perlu diberi perhatian oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas ucapannya yang bernas dan pada masa yang sama memastikan kedudukan kewangan negara adalah terkawal dari kemerosotan ekonomi yang berlaku di seluruh dunia.

Tuan Yang Dipertua, keadaan ekonomi Malaysia yang sedang merosot adalah suatu cabaran kepada semua orang. Ekonomi Malaysia adalah ekonomi terbuka dan ia dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia. Masa depan kita masih penuh dengan kesulitan. Kemelesetan

ekonomi seluruh dunia telah mempengaruhi Malaysia dengan hebatnya oleh sebab Malaysia adalah sebuah negara yang mengeluarkan barang-barang utama. Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang cemerlang itu kini telah terpengaruhi kesan-kesan menjejaskan. Ini bermakna objektif sosio-ekonomi Kerajaan yang berdasarkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat juga terjejas. Sekarang kita perlukan lebih cermat dan teliti dalam pengurusan ekonomi. Tambahan pula, kita mesti mengambil suatu pendekatan yang lebih liberal dan pragmatik untuk mengatasi kemelesetan ekonomi dan menuju ke suatu dasar ekonomi yang lebih fleksibel yang boleh mendorong kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, supaya objektif sosio-ekonomi Kerajaan dapat dicapai.

Kita sekarang mesti mencari satu enjin yang baru untuk pertumbuhan ekonomi. Kita mesti membasmikan segala syak wasangka dalam implementasi. Sebenarnya krisis ekonomi separuhnyanya adalah krisis keyakinan. Kita mesti berusaha untuk menimbulkan suasana keyakinan ini. Perkara ini boleh dibuat dengan mengkaji semula berbagai dasar ekonomi dan tindakan-tindakan lain yang telah menghalang pelaburan di dalam ekonomi kita. Krisis keyakinan mestilah dibasmikan bukan sahaja dengan ucapan tetapi juga dengan perbuatan. Hanya dengan mewujudkan keyakinan dan haluan yang baru kita boleh mengatasi krisis ekonomi sekarang. Marilah kita sama-sama berharap agar keadaan ekonomi negara akan pulih seperti sedia kala supaya projek-projek utama dapat dilaksanakan untuk faedah rakyat di samping memajukan lagi negeri kita. Rakyat telah menyahut seruan Kerajaan supaya berjimat cermat dan berdikari. Saya harap usaha untuk memenuhi Rancangan Buku Hijau

yang sedang dilakukan sekarang akan mendapat sambutan baik dari semua golongan rakyat. Rancangan Buku Hijau yang menggalakkan rakyat supaya menanam tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan mereka sendiri hendaklah menjadi satu kelaziman dan bukan hanya dilakukan ketika menghadapi kesulitan kewangan.

Tuan Yang Dipertua, bahawa fikiran ini hendaklah ditanamkan di sanubari semua kanak-kanak sekolah. Tanah-tanah kosong dan kawasan-kawasan yang terluang di sekeliling sekolah janganlah ditinggalkan terbiar begitu sahaja. Ia hendaklah diusahakan untuk bercucuk tanam. Sekolah-sekolah yang tidak mempunyai tanah terluang di kawasan mereka perlu mencari kawasan seperti itu untuk memberi peluang kepada murid-murid bercucuk tanam. Kita janganlah semata-mata mendirikan kegiatan di luar bilik darjah melalui kelab-kelab dan permainan tetapi juga dalam bercucuk tanam.

Tuan Yang Dipertua, malangnya ramailah kanak-kanak sekolah apabila meninggalkan sekolah tidak tahu langsung tentang bercucuk tanam sehingga mereka tidak mengambil perhatian dan minat kepada hobi atau kegemaran ini. Marilah kita sama-sama berharap agar kanak-kanak ini akan mengambil perhatian dan menyahut baik Rancangan Buku Hijau ini.

Sekarang ingin saya menyentuh mengenai rancangan TV terutamanya persembahan Berita. Saya fikir sudah tiba masanya pihak TV Malaysia mengambil muka-muka baru sebagai Pembaca Berita. TV Malaysia hendaklah jangan bergantung kepada beberapa orang pembaca sahaja untuk mengatasi kebosanan para penontonnya. Untuk mendapatkan orang-orang baru tidaklah begitu sukar

kerana terdapat ramai mereka yang menanti untuk ditemui uji. Mereka yang berjaya hendaklah diberi peluang tetapi hendaklah jangan terus-menerus muncul di kaca TV membaca berita bertahun-tahun. Orang lain juga perlu diberi peluang. Dengan cara ini para penonton tidak akan merasa bosan.

Beberapa orang Pembaca Berita telah begitu lama menjalankan tugas. Jika saya tidak silap, Pembaca Berita Inggeris hari Ahad adalah orang yang sama sejak beberapa tahun. Ini menjadikan orang ramai tidak berminat untuk mendengar berita Inggeris pada hari Ahad bukan para penonton bosan dengan berita yang disampaikan tetapi bosan dengan orang yang membacanya. Tuan Yang Dipertua,.....

Timbalan Yang Dipertua: Jadi bukan dia dengar berita, dia tengok orang.

Dato' G. Pasamanickam: Kalau tukar bolehlah nampak sedikit kecantikannya, jadi hati pun berasa sedap sedikit, Dato' sendiri boleh faham! (*Ketawa*). Kita sendiripun selepas 6 tahun kita tukar muka-muka baru di sini. Kerajaan telah membuat keputusan, sudah buat undang-undang lebih 6 tahun memanglah orang baru kena tukar.

Tuan Yang Dipertua, mengapakah dinding dan tembok Kementerian-kementerian kita kelihatan kosong kecuali sebuah papan yang menunjukkan ditingkat mana sesuatu jabatan ditempatkan? Saya mencadangkan supaya diadakan satu lagi papan-tanda yang menerangkan sejarah ringkas Kementerian berkenaan dengan mencatatkan nama para Menteri, Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah? yang pernah berkhidmat. Ini akan dapat memberikan sedikit sebanyak

pegetahuan kepada pelawat-pelawat mengenai Kementerian berkenaan dan merupakan publisiti bagi Kerajaan. Orang ramai secara tidak langsung akan mempelajari dan mengetahui latar belakang dan sejarah Kementerian-kementerian yang ada sekarang. Kanak-kanak sekolah pula akan membaca apa yang tertulis tentang Kementerian untuk memperluaskan pengetahuan am mereka. Pada masa ini ramai yang tidak mengetahui akan berbagai fungsi dan peranan yang dilakukan oleh berbagai Kementerian.

Tuan Yang Dipertua, pendapat umum menyatakan bahawa pekerja yang gembira adalah pekerja yang baik. Seorang pekerja yang gembira adalah pekerja yang telah diakui akan kecekapannya dan beliau berpeluang dinaikkan pangkat. Malangnya ramai pekerja-pekerja yang cekap telah tidak diiktiraf kecekapannya oleh Kerajaan sehinggalah mereka diketawakan oleh pekerja atau kakitangan yang kurang cekap dan dikatakan bahawa mereka telah dieksplotasikan oleh Kerajaan. Oleh itu mereka sama-sama menyertai mereka yang kurang cekap dan sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan akan menjejaskan mutu kecekapan dan kelicinan jentera Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, sudahlah Kerajaan mengambil langkah yang sewajarnya terhadap sebilangan kakitangan awam yang telah pun mencapai ketahap gaji maksima dan mereka hanya di dalam lingkungan usia 40-an. Pegawai-pegawai ini mempunyai masa 15 tahun lagi atau lebih untuk memberi sumbangan khidmat mereka kepada Kerajaan tetapi tiada satu-satu langkah yang dilakukan terhadap mereka dan mereka berkhidmat dengan diselubungi kekecewaan. Sekurang-kurangnya ini akan mengelakkan

mereka berkata bahawa mereka tidak mempunyai insentif lagi. Adalah manasabah dan wajar sekiranya seseorang kakitangan Kerajaan itu berada di takuk yang sama dua atau tiga tahun sebelum ianya bersara tetapi bukanlah diketika ia berada di kemuncak kejayaan mereka. Langkah-langkah segera Kerajaan untuk mengkaji dan mengatasi perkara ini atau dapat meningkatkan lagi morale kakitangannya. Sektor-sektor swasta telah mengambil kesempatan akan keadaan ini dan berjaya membawa masuk ramai kakitangan Kerajaan yang cekap untuk berkhidmat dengan mereka. Memang tidak dinafikan bahawa setiap pekerja mahukan gaji yang lebih dan kenaikan pangkat. Sekiranya kedua-dua ini tidak diberikan mereka tidak akan memberikan khidmat yang baik.

Tuan Yang Dipertua, langkah Kerajaan untuk memberikan ganjaran seperti kenaikan pangkat kakitangan awam yang tidak berijazah berdasarkan kepada kecekapan dan kebolehan mereka adalah amat baik. Kerajaan haruslah mempergiatkan langkah ini seberapa segera yang boleh.

Sukalah saya menyatakan bahawa tidak rasmi kakitangan dan pegawai yang memperbaiki kelayakan mereka dengan ketekunan dan daya usaha sendiri. Tetapi mereka ditinggalkan dari segi pangkat dan kedudukan oleh mereka yang mempunyai kelayakan bertulis walaupun prestasi mereka kurang baik. Mendapatkan sesuatu ijazah atau diploma adalah satu perkara tetapi menjalankan prestasi harian mereka adalah satu perkara lain.

Menteri atau wakil mereka seperti Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Setiausaha dan Ketua

Pengarah hendaklah diberi kuasa untuk mengawasi dan mencari kakitangan-kakitangan yang cekap dan tekun memberikan mereka kenaikan pangkat dari satu kategori ke satu kategori yang lebih tinggi atau tawaran kenaikan gaji serta merta. Ini akan menggalakkan kakitangan yang lain untuk bekerja dengan lebih keras. Tetapi bagi mereka yang telah dinaikkan pangkat janganlah pula berpuas hati dengan apa yang telah diperolehi dan tidak aktif selepas itu. Mereka harus terus meninggikan prestasi mereka di samping diberikan galakan untuk bekerja lebih keras.

Tuan Yang Dipertua, kenapakah tanggungjawab peyeliaan kakitangan terbatas kepada ketua atau boss yang paling dekat sahaja. Dukacita sekali mendapati bahawa Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah jarang sekali atau tidak pernah meninggalkan bilik sejuk mereka. Mereka hanya memberikan kuasa tetapi saya rasa sekali-sekala mereka juga perlu keluar bilik dan membuat pemeriksaan bukan semata-mata untuk mencari kesalahan tetapi untuk bercampur gaul dengan kakitangan bawahannya. Dengan ini akan membantu menjalinkan hubungan rapat antara ketua dan kakitangan. Kebanyakan kerani masih tidak tahu siapakah Ketua Setiausaha (KSU) atau Ketua Pengarah mereka. Ada di antara yang tahu nama mereka tetapi tidak pernah melihat wajah mereka. Manakala yang lainnya tidak pernah mendengar nama atau melihat orangnya. Jadi apabila sesuatu Majlis Perpisahan diadakan untuk Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah, mereka tidak hadir. Kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana mereka tidak pernah melihat mereka apatah lagi berbual dengan mereka. Lazimnya kita hanya menghadiri sesuatu majlis atau meraikan seseorang yang kita kenali.

Tuan Yang Dipertua, diberapa Kementerian tidak terdapat pegawai Perhubungan Awam (PPA). Para pemberita mendapati sukar untuk mendapatkan berita yang mereka kehendaki mengenai Kementerian berkenaan untuk bahan laporan mereka. Ada ketika akhbar memperuntukkan satu halaman penuh untuk menyelesaikan masalah orang ramai, Kementerian berkenaan tidak dapat melayani permintaan dari pemberita yang terpaksa menghubungi jabatan Kerajaan untuk menyelesaikan soalan dan kemuskilan yang dikemukakan oleh orang ramai. Akbar-akbar ini bukan hanya secara langsung membantu orang ramai tetapi juga membantu Kerajaan secara tidak langsung.

Tuan Yang Dipertua, apabila terdapat PRO di dalam sesuatu Kementerian dia adalah, dengan izin, "one man show" Segala-galanya dilakukan oleh beliau sendiri. Mereka yang bernasib baik mempunyai kerani dan jurutaip sendiri. Dalam hal ini sudah sampai masanya Kerajaan memikirkan penubuhan Unit Perhubungan Awam di setiap Kementerian. Unit atau cawangan ini kemudian bukanlah hendak mempunyai seorang P.P.A., tetapi seorang P.P.A. Kanan untuk mengetuai Unit ini dengan seorang dua lagi PPA dan beberapa pembantu seperti Kerani, Jurutaip, Penyambut Tetamu dan lain-lain. Saya percaya unit seperti ini akan lebih bekesan dan ianya akan meningkatkan imej Menteri dan Kementerian.

Tuan Yang Dipertua, kadangkala seorang P.P.A. itu dia akan membuat keputusan sendiri. Beliau sering menghadapi banyak kesulitan. Beliau tidak tahu siapa hendak dilayani, Menteri, Kementerian, Pemberita atau orang ramai. Apabila seseorang menalifon Kementerian beliau meminta disambungkan kepada

P.P.A. dan apabila dia diberitahu P.P.A. bertugas di luar pejabat atau bercuti atau tiada P.P.A. di Kementerian itu dia akan berasa keciwa kerana orang yang bertanggungjawab untuk melayani soalan dan kemuskilan tidak ada di dalam pejabat. Ini akan memburukkan imej Kerajaan kepada orang ramai. Oleh yang demikian Pegawai Perhubungan Awam ini akan dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, kesulitan dan rintihan para Pembantu Hospital bangsa India yang menjalankan klinik-klinik mereka sendiri di bawah nama doktor berdaftar hendaklah diatasi dengan segera. Dukacita saya menyatakan di sini bahawa klinik-klinik yang dijalankan oleh Pembantu-pembantu Hospital yang berpengalaman ini telah diserbu dan ubat-ubat dirampas. Mereka akan didakwa di Mahkamah tidak lama lagi. Penyiasatan saya mendapati bahawa mereka telah memberi khidmat yang baik kepada orang ramai dan itulah tempat yang mampu dibayar dengan harga yang dikenakan. Mereka adalah orang-orang tua yang cuba menampung perbelanjaan. Oleh kerana Kerajaan sekarang menaikkan pengalaman dan ketekunan sebagai kriteria pengiktirafan kenapa tidak Pembantu-pembantu Hospital itu diiktiraf untuk menjalankan klinik mereka sendiri. Tidakkah mereka ini boleh diberikan peluang?

Tuan Yang Dipertua, saya berharap Kerajaan akan memberi perhatian kepada ahli-ahli profesional yang kurang bernasib baik ini. Sekiranya mereka tidak dibenarkan menjalankan perkhidmatan mereka di bandar-bandar kecil sebagaimana yang dilakukan sebelum ini saya bimbang rakyat tidak akan dapat menerima rawatan perubatan kerana tidak di semua tempat dalam negara ini terdapat klinik dan hospital.

Bilangan kaum India dalam perkhidmatan Kerajaan adalah begitu kecil sekali. Lebih buruk lagi ialah bahawa walaupun dengan bilangan yang kecil ini tidak ditimbangkan untuk kenaikan pangkat sama sekali. Sebilangan daripada mereka telah meninggalkan perkhidmatan dengan perasaan keciwa. Di dalam urusan-urusan kenaikan pangkat, pasukan Polis yang terlibat baru-baru ini 101 pegawai dukacita dinyatakan bahawa cuma 4 orang pegawai bangsa India yang telah dipertimbangkan. Sudah tentu ini adalah merupakan jumlah yang kecil kerana terdapat ramai pegawai bangsa India yang layak untuk kenaikan pangkat.

Kami semua menyokong pentadbiran 2M yang inginkan sesebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Tuan Yang Dipertua, malangnya kebersihan telah tidak dipatuhi. Banyak Jabatan-jabatan Kerajaan yang perlu dibersihkan, walaupun terdapat tukang-tukang sapu untuk menjaga kebersihan tetapi ianya masih tidak begitu memuaskan. Kawasan-kawasan janganlah dibiarkan kosong ianya perlu dipindahkan dengan pokok-pokok bunga serta rumput seperti Dewan Bandaraya yang mempunyai Unit Pengindahan Bandaraya dan diharapkan setiap Kementerian atau Jabatan akan mempunyai Unit Pengindahannya sendiri untuk menjaga kebersihan. Dengan langkah-langkah ini akan memastikan setiap Kementerian atau Jabatan Kerajaan kelihatan sentiasa bersih dan indah. Kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang begitu mengambil berat tentang kebersihan dan ini dapat dibuktikan dengan usahanya untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah Bandaraya Taman.

Tuan Yang Dipertua, oleh sebab kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara kita maka bilangan orang

yang menganggur bertambah ramai. Keadaan ini akan bertambah merosot pada tahun-tahun yang akan datang sekiranya satu langkah yang sewajar tidak akan diambil oleh Kerajaan. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan menumpukan perhatian penuh bagi mencegah pertambahannya bilangan penduduk. Dari tahun 1984 seseorang ibu yang melahirkan lebih dari empat orang anak, ibubapa yang berkenaan perlu didendakan (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Macam mana dendanya, dipotong? (*Ketawa*).

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, anak-anak itu bila kita hantar ke sekolah panggillah ibubapanya bayar lebih school fee atau lain-lain faedah tidak boleh dapat daripada Kerajaan kita, barulah pada tahun akan datang misalnya tahun 2000 pengangguran itu dapat dikurangkan, itu senang sedikit. Janganlah macam lain-lain negeri bila orang sudah ramai didapati susah hendak mendapatkan pekerjaan dalam jabatan-jabatan Kerajaan atau lain-lain. Untuk mengatasi perkara ini, inilah syor daripada saya. Fasal anak tidak banyak (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Cukuplah, saya ingat.

Dato' G. Pasamanickam: Ada sedikit sahaja lagi, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Tetapi tentang Budget terus tidak bercakap.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang Dipertua, saya mengalu-alukan dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai perkara Pandang ke Timur, seolah-olah kita belajar dari Jepun atau Korea dan sebagainya. Pada hemat saya sudah tibalah masanya untuk kita berfikir tentang kemajuan negara kita. Kita harus menggunakan hasil-hasil keluaran negara seperti getah, timah

dan sebagainya. Kita harus mendirikan kilang-kilang perusahaan dan menggunakan barang-barang utama untuk membuat beberapa barangan dan mengekspor ke negara lain seperti yang dilakukan oleh negara Timur. Kita sering mengekspor hasil-hasil utama ke negara Timur dengan harga yang paling rendah dan mengimport barang-barang buatan dari hasil-hasil negara kita dengan harga yang lebih tinggi. Biasanya dahulu, orang-orang Jepun datang ke negeri kita membeli satu kati timah sampai harga \$1.00 tetapi bila telah dibawa balik timah ke negaranya dan membuat toy-toy—permainan budak-budak, timah yang harganya \$1.00 dibawa daripada negara kita, kemudian di jual barang-barang tersebut kepada kita sampai \$10.00—itu semua kita tahu. Jadi, mengapa tidak kita harus tinjau keadaan ini dan bertindak untuk menukarkan cara mengimport dan mengekspor. Saya yakin dan percaya lambat laun negeri kita menghasilkan lebih lumayan. Ekonomi kita akan bertambah kukuh kita harus mempelajari dari negara-negara jiran yang telah bertambah maju walaupun tidak mempunyai barangan eksport utama seperti getah, timah dan sebagainya.

Saya juga menyokong penuh di atas rancangan Kerajaan dalam usahanya membuat kereta di dalam negeri ini sendiri, memandangkan beribu-ribu kereta yang digunakan oleh rakyat dalam negeri ini tiap-tiap tahun yang menguntungkan ialah pelabur-pelabur asing yang menanam modal dan memugut hasil di negara ini yang mana bahan-bahan mentahnya ada tersembunyi di bumi bertuah Malaysia ini supaya bersama-sama kita menikmati dan menggunakannya untuk kekayaan negara. Juga satu sumber galian Ahli-ahli Yang Berhormat telah maklum seperti minyak petrol yang baharu diteroka

dan memperolehi dengan lumayannya. Ini juga satu nikmat pemberian Tuhan untuk digunakan oleh rakyat Malaysia. Bahan mentah ini hendaklah dikawal dan diproses dalam negeri ini supaya menjadi bahan yang terpenting dan bermutu sehingga dapat dijadikan satu sumber negara yang terpenting dan kukuh untuk menambahkan lagi hasil ekonomi negara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan.....

Timbalan Yang Dipertua: Saya ingat cukuplah, Dato'.

Dato' G. Pasamanickam: Satu minit lagi, Tuan Yang Dipertua, Saya difahamkan bahawa sejumlah lebih kurang \$189 juta adalah diperuntukkan bagi program-program kesihatan. Dengan demikian, adalah diharapkan perkhidmatan perubatan yang lebih baik diberikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, kita selalu mengingatkan slogan-slogan pandang ke Timur. Saya harap dan berdoa kepada Tuhan lain-lain negara pada satu hari tidak berapa lama lagi mereka mesti berkata "Pandang ke Malaysia" baharulah maruah dan taraf kita dapat dinaikkan. Sekianlah sahaja saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dato' Wong.

5.55 ptg.

Dato' Wong Seng Chow: Tuan Yang Dipertua, Belanjawan yang dibentangkan itu adalah satu Belanjawan yang sukar kerana ia tidak membezakan di antara kaya dan miskin. Belanjawan ini menyebabkan gelisah di antara rakyat sebab dasar-dasar yang dicadangkan itu mungkin

tidak cukup berguna untuk menentang balas akibat-akibat yang disebabkan oleh pengunduran ekonomi yang dialami oleh dunia sekarang. Kerajaan patut mengetahui pengunduran ekonomi antarabangsa lebih awal dan melaraskan polisi cukai-mukai lebih awal juga. Tanda-tanda menunjukkan dunia akan mengalami masalah kewangan bermula kira-kira 10 tahun yang lalu apabila OPEC ditubuhkan dan menaikkan harga minyak asli mereka. Memandangkan apa yang sedia dimaklumkan akibat yang disebabkan oleh dasar-dasar yang dikandung dalam Belanjawan itu adalah pasti tidak tentu. Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bila pengunduran ekonomi dunia akan tamat ataupun bila ia akan memulih.

Tuan Yang Dipertua, rakyat ada memerhatikan cara-cara membelanjakan wang awam oleh pelbagai Kementerian. Ketua Audit Negara telah membuat pekerjaannya sebagai orang penyelidik dengan sempurna. Tetapi malangnya nasihat-nasihat dan pertanyaan-pertanyaan beliau nampaknya sudah tidak dipedulikan oleh pihak-pihak yang berkenaan tahun lepas tahun. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu akan ingat hal yang mana oleh sebab Ketua Audit Negara menunjukkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam satu jabatan yang tertentu, beliau telah disifatkan sebagai seorang anasir subversif. Kerajaan dalam usaha untuk mencerminkan satu Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah patut memberi lebih kuasa kepada Ketua Audit Negara supaya beliau boleh mengambil tindakan terus terhadap pegawai-pegawai yang lalai atau Menteri-menteri Besar dan Menteri-menteri yang berkenaan.

Ketua Audit Negara terpaksa diberi kuasa supaya beliau bukan sahaja boleh menyalak tetapi boleh mengigit

juga. Tuan Yang Dipertua, Kerajaan patut memberi pertimbangan juga atas keinginan untuk menyusun semula Jawatankuasa Akaun Awam. Ahli-ahli Jawatankuasa itu patut dipilih daripada orang-orang yang ada cukup masa untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa itu dan perkhidmatan mereka patut juga dibayar dengan gaji. Ahli-ahli Dewan tidak ada masa yang cukup untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa itu. Masa yang dapat mereka berikan kepada perkhidmatan Jawatankuasa itu tidak akan berhasil dibandingkan dengan keberatan tugas jawatan itu.

Tuan Yang Dipertua, pada masa yang awal di bawah Kerajaan 2M, salah 1M telah menjalankan lawatan ke seluruh negara supaya menyiasat dan menutup syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh wang Kerajaan yang mengalami kerugian. Sebenarnya syarikat-syarikat yang berkenaan tidak patut ditubuhkan pada awalnya. Tidak ada syarikat atau perniagaan patut ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan melainkan perbuatan demikian akan mendatangkan keuntungan kerana keuntungan adalah hal yang mustahak sekali dalam semua bidang perniagaan.

Tuan Yang Dipertua, kembali ke Belanjawan, saya ingin membuat ulasan-ulasan berikut:

Cukai Jualan. Saya berpendapat menaikkan cukai jualan dari 5% kepada 10% adalah tidak munasabah kerana tambahan itu adalah lebih daripada berpatutan, (kecuali barang-barang keperluan) dan ini akan menyusahkan orang-orang miskin. Tambahan pula kenaikan begitu tidak akan membantu tujuan Kerajaan dalam usahanya untuk menstabilkan harga barang-barang. Kita semua tahu apabila cukai jualan dinaikkan, harga barang-barang akan terus bertambah

dan ini akan melibatkan penghidupan orang-orang miskin sekali lagi dipengaruhi oleh kenaikan harga barang-barang.

Kedua, cukai perkhidmatan. Cadangan-cadangan untuk memperluaskan cukai perkhidmatan kepada semua restoran, bar, snack-bar dan coffee house yang diletakkan di luar kawasan hotel dan kelab persendirian yang menjalankan perbelanjaan tahunan lebih \$500,000 akan menyebabkan kesusahan kepada orang-orang miskin, dan juga kesusahan kepada kaum yang berpendapatan sederhana. Akibat-akibat seperti itu akan berlaku dalam kes kenaikan cukai jualan atau sebarang cukai yang dikenakan untuk tujuan yang tertentu juga.

Tuan Yang Dipertua, cadangan untuk menaikkan cukai jalan ke atas kereta penumpang. Cukai jalan tidak dinaikkan untuk kereta-kereta yang berkuasa kurang dari 1200 c.c., tetapi kereta yang berkuasa 1800 c.c. pun tidak boleh dianggap sebagai sebuah kereta kemewahan. Kerajaan patut memberi pertimbangan ke atas ini dan jangan menaikkan cukai jalan bagi kereta-kereta yang berkuasa sehingga 1800 c.c. Saya berpendapat cadangan untuk menaikkan cukai jalan ke atas kereta-kereta kepunyaan syarikat pun tidak berhasil seperti dianggap. Dengan cadangan itu, Kerajaan diharap boleh mendapatkan lebih cukai, tetapi sekarang ini nampaknya kebanyakan syarikat-syarikat sedang mencari cara dan peluang untuk mengelakkan undang-undang tersebut. Sebenarnya kenaikan dua kali ganda adalah mencukupi.

Tuan Yang Dipertua, cadangan untuk menaikkan duti import ke atas kereta penumpang. Cadangan Kerajaan untuk menaikkan duti import ke atas kereta-kereta CKD

dengan kadar 15% adalah tidak sesuai. Sebaliknya Kerajaan patut menimbang mengecualikan duti import ke atas kereta CKD sehingga 1800 c.c. Begitu orang-orang miskin masih boleh mendapat faedah.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga patut memberi pertimbangan ke atas perkara-perkara berikut:

Ibubapa tua. Saya juga berharap Kerajaan dapat menimbang memperuntukkan elaun cukai ibubapa tua kepada pembayar cukai supaya mengikut dasar memandang ke Timur yang diserukan oleh Kerajaan sekarang ini. Menjaga ibubapa yang tua adalah satu konsep yang diikuti oleh penduduk-penduduk di sini juga. Kerajaan patut menggalakkan tujuan ini dan bukan sebaliknya supaya lebih Rumah Orang-orang Tua tidak perlu didirikan lagi seperti yang dipraktikkan di negara-negara Barat di mana ibubapa seseorang akan dihantar ke Rumah Orang-orang Tua apabila mereka sudah tua.

Tuan Yang Dipertua, perumahan. Kerajaan patut memberi timbangan untuk mengecualikan cukai membayar balik cagaran yang dikenakan ke atas rumah pertama yang dimiliki oleh pembayar cukai. Ini tentu akan menggiatkan kemajuan dalam bidang perusahaan perumahan.

Kebanyakan orang gembira apabila mendengar Kerajaan berhajat hendak menggiatkan perusahaan perumahan terutamanya para pemaju-pemaju persendirian. Kerajaan patut menganggap ini sebagai satu langkah untuk menyasiat segala alasan-alasan yang meninggikan harga rumah pada masa sekarang.

Ramai orang tidak ada kebolehan untuk membeli rumah sekarang kerana kadar faedah-faedah yang tinggi dikenakan ke atas pinjaman perumahan. Oleh sebab itu harga rumah dan kadar faedah pinjaman perumahan patut direndahkan.

Kerajaan telah menetapkan rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000 sebagai rumah murah. Kerajaan juga meminta bayaran peguam dikurangkan. Oleh sebab seruan yang dibuat oleh Kerajaan itu, para peguam telah pun mencadangkan beberapa dasar untuk mengurangkan bayaran mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan patut memainkan peranan yang positif untuk menolong orang-orang miskin mempunyai rumah-rumah sendiri juga. Kerajaan patut menimbang mengecualikan segala perbelanjaan dan cukai setem yang dikenakan ke atas segala urusan yang melibatkan rumah-rumah murah.

Tuan Yang Dipertua, cukai pendapatan perseorangan. Negara jiran kita, Singapura telah mengendalikan dasar cukai terus ke atas cukai pendapatan perseorangan dengan sempurna. Dasar yang mengenakan kadar yang rendah ke atas cukai pendapatan perseorangan yang dipraktikkan di negara itu sekurang-kurangnya akan menjadikan satu insentif kepada pembayar cukai supaya bekerja rajin dengan mencari lebih nafkah tetapi di negara kita Kerajaan nampaknya seperti seorang sekutu yang tidur dalam sesuatu perniagaan yang mendapat lebih syer dari keuntungan yang didapati oleh pembayar cukai yang miskin. Saya berharap selepas pengunduran ekonomi kelak, Kerajaan kita dapat mengikuti dasar yang dipraktikkan di negara Singapura dengan mengenakan kadar-kadar yang lebih rendah ke atas pendapatan perseorangan dan pada masa yang sama membatalkan cukai-cukai yang dikenakan ke atas lebih keuntungan dan perkembangan. Ini akan menggiatkan kemajuan dan sebaliknya memperuntukkan cukai tambahan kepada Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya menggunakan

kebijaksanaannya apabila menguruskan pinjaman-pinjaman di dalam ataupun dari luar negeri.

Sebagaimana diketahui jumlah hutang awam Kerajaan sehingga hujung tahun ini akan menjelang kepada \$40.12 billion ataupun tambahan 33% ke atas angka hujung tahun yang lepas. Perbelanjaan operasi termasuk "Service cost" pada hutang awam Kerajaan di negara kita selepas dikira menjadi lebih kurang 24% dari perbelanjaan operasi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana tidak meminjam lebih banyak wang sebagai satu cara yang senang untuk memelihara rata perbelanjaan operasi dan perkembangan yang tinggi. Sekian, Tuan Yang Dipertua, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan H'ng.

4.01 ptg.

Tuan H'ng Hung Yong: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang Dipertua, hampir dua bulan telah berlalu sejak Menteri Kewangan membentangkan Belanjawannya kepada Parlimen. Dua bulan dalam mana tidak banyak yang berlaku dalam suasana ekonomi dunia untuk mencadangkan bahawa kita kini mula melihat akhirnya satu suasana yang malap. Langkah Menteri Kewangan dengan memberi harapan palsu dalam perutusannya di Dewan memang wajar dan pesannya tetap sukar dan tidak menggembirakan. Inilah masanya bagi berjimat cermat, bagi ketabahan dan bagi pengorbanan. Untuk negara ini keseluruhannya, Tuan Yang Dipertua, kesan-kesan

kemerosotan ini amat mendalam, strategi kemajuan dan keutamaan-keutamaan kita bagi pembangunan terpaksa dipertimbangkan semula. Sungguhpun terdapat pemimpin-pemimpin Kerajaan yang tidak mahu menonjolkan hakikat ini dalam ucapan-ucapan mereka kepada orang ramai sudah menjadi kenyataan bahawa kita tidak mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan projek-projek yang telah dirancang pada mulanya.

Tuan Yang Dipertua, kita patut juga menyedari bahawa kesan-kesan penurunan ekonomi ini tidak seharusnya dipertimbangkan dari segi ekonomi semata-mata. Sesungguhnya kos dari segi kemanusiaan dan sosial amatlah berat tatkala inflasi beransur-ansur mengurangkan kuasa beli ringgit dan tatkala kadar faedah yang tinggi (high interest rate) terus menindas pelaburan dan perkembangan ekonomi, peluang-peluang pekerjaan dan kemajuan sosial serta ekonomi juga turut terbatas. Semua penat lelah dan kesulitan masyarakat kita yang berbilang bangsa dan kompleks ini menjadi lebih nyata dan sulit dikawal. Ahli-ahli Dewan yang dihormati pasti ingat bahawa apabila Dasar Ekonomi Baru mula-mula dirumuskan ia diramalkan berdasarkan anggapan bahawa ekonomi negara kita akan berkembang dan akan berkembang pada kadar yang memuaskan supaya semua rakyat mendapat peluang yang secukupnya untuk maju. Sebaik sahaja kadar kemajuan kita beransur lewat keseluruhan strategi Dasar Ekonomi Baru untuk menghapuskan kemiskinan dan untuk membentuk semula masyarakat akan terancam. Dalam masa kesukaran beginilah, Tuan Yang Dipertua, kepimpinan negara dari darjat yang tertinggi diperlukan. Jadi persoalan yang dihadapi oleh Dewan kini ialah sama ada para pemimpin kita bersedia dan

berani mengambil keputusan-keputusan yang sukar dan tegas untuk menyatukan negara dalam masa susah ini dan seterusnya menyediakan kita untuk menggunakan pemulihan ekonomi apabila ia tiba kelak.

Tuan Yang Dipertua, Belanjawan ini adalah yang pertama dikemukakan oleh Kerajaan yang baru dipilih yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir tetapi jika para ahli sejarah masa depan hendak menilai rekod pencapaian Perdana Menteri sejak beliau mengambil alih teraju Kerajaan, bolehlah dikatakan yang menjadi ukuran bukanlah jumlah rumah-rumah yang dibina dalam masa ini dan tidak pula panjangnya jalanraya-jalanraya atau jumlah kilang-kilang baru yang dibuka. Pembaharuan paling penting yang beliau akan diingati ialah bagi sesuatu yang kurang nyata tetapi sesuatu yang mungkin mempunyai implikasi yang mendalam akhirnya dan ini adalah perubahan besar dalam sikap terhadap pekerjaan dan tanggungjawab kepada orang ramai yang beliau sedang cuba tanamkan di kalangan pekerja-pekerja awam. Hasil daripada usaha-usaha ini, kini terdapat lebih banyak tanggungjawab yang lebih berdisiplin, standard kerja yang lebih tinggi dan pencapaian yang bertambah baik.

Slogan Kerajaan ABC (Kerajaan Amanah, Bersih dan Cekap) telah juga menawan imaginasi orang ramai dan di mana-mana sahaja kita boleh melihat persetujuan bagi langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih berkesan dan satu-satu yang berkhidmat untuk orang ramai. Ini adalah cabaran terbesar yang dihadapi oleh negara, kerana selagi kita tidak mendapat pendekatan yang baik terhadap kerja, selagi kita tidak menginstitusikan etik baru terhadap kerja ini negara akhirnya akan terjerumus ke dalam kemunduran dan

kebuntuan. Bagaimanapun, kita tidak patut melihat kepada kebaikan sahaja dan mengelirukan diri kita mengenai apa yang telah tercapai.

Sesungguhnya kita semua inginkan Kerajaan Amanah, Bersih dan Cekap tetapi mendapatkannya tidak semudah seperti belajar A-B-C. Terdapat ramai pekerja yang mendapati bahawa terlalu banyak dasar Mahathirisma tidak baik untuk mereka, kerana ia mendedahkan pekerja-pekerja yang berpura-pura, yang makan rasuah, yang tidak berkesan dan yang tidak cekap. Orang ramai dengan sendirinya akan menyedari bahawa terdapatnya kes-kes kelalaian dan kurang kecekapan di kalangan pekerja-pekerja awam di sekitar negara membuktikan bahawa kita perlu melalui banyak lagi masa sebelum kita mendapat Kerajaan yang benar-benar Amanah, Bersih dan Cekap. Jadi ini kelak akan menjadi satu usaha yang memakan masa dan kita berharap Perdana Menteri kita akan mempunyai stamina untuk mengekalkan kempen ini di semua peringkat Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa langkah dipertimbangkan dan digunakan untuk memperbaiki kehandalannya dan untuk membolehkannya berhubung lebih rapat dengan rakyat. Tinjauan saya yang pertama ialah mengenai proses membuat keputusan dalam Kerajaan, dengan izin, decision making process in the Government. Jika saya diizinkan menyatakan, selalunya keputusan-keputusan yang diambil oleh Kerajaan seolah-olah dibuat secara *ad hoc* dan tidak mematuhi dasar yang diisytiharkan oleh kerana kebanyakan daripada keputusan-keputusan ini adalah hasil daripada kebiasaan badan-badan berkuasa yang bebas

atau badan-badan yang ada discretionary authority, keputusan ini ada kalanya tidak tetap dan tidak dapat dijangkakan. Umpamanya pindaan yang disyorkan oleh Akta Pertubuhan yang baru-baru ini ditarik balik oleh Kerajaan untuk dipertimbang kedua atau ketiga atau keempat. Peristiwa-peristiwa sekitar pembentukan pindaan yang disyorkan ini sebab-sebab yang dikemukakan untuk membentangnya, perbincangan terbuka yang diadakan dan sebagainya semuanya membayangkan bahawa Kerajaan tidak terlebih dahulu meneliti masalah ini, selanjutnya seluruh negara terpaksa menanggung kesusahan berbulan-bulan sebelum Kerajaan akhirnya memeranatkan semua orang dengan keputusannya untuk menarik balik pindaan-pindaan yang disyorkan itu.

Sememangnya saya gembira bahawa Kerajaan mengambil langkah ini, tetapi sambil itu amat nyata kepada saya bahawa dalam perkara ini Kerajaan telah menunjukkan sikap pemikiran yang kurang jelas dan tidak tetap dalam mengemukakan bil untuk meminda undang-undang ini dan seterusnya dalam memutuskan untuk menarik baliknya. Ini amat membimbangkan, kerana ia boleh membayangkan bahawa terdapat bidang-bidang kegiatan Kerajaan di mana dasar-dasar jelas amat berkurangan dan di mana usaha membuat keputusan berjalan atas dasar *ad hoc*, baru-baru ini pula satu kejadian menarik telah berlaku apabila seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri kita menyatakan bahawa satu undang-undang akan diadakan untuk mengawasi moral dan beberapa hari kemudian pula satu kenyataan daripada Perdana Menteri pun menerangkan yang kenyataan terdahulu dari itu belum tepat waktunya.

Tuan Yang Dipertua, apakah sebenarnya yang sedang berlaku, adakah ini kes tangan kiri tidak tahu apa yang dilakukan oleh tangan kanan. Adakah ini kes tunduk kepada tekanan yang keterlaluan atau kes ini ada orang ingin menjadi Tuhan. Apa yang boleh saya katakan Tuan Yang Dipertua, ialah tentu ramai orang yang tidak senang dengan perkara ini, sebaliknya mereka bimbang dengan cara keputusan dibuat, bimbang kerana Kerajaan boleh memikirkan untuk memasuki satu haluan yang tidak tentu lagi di mana makhluk-makhluk suci pun takut hendak jejak.

Saya menyeru Kerajaan supaya memikirkan dengan baik mengenai batasan-batasan kepada peranannya sebagai pengantara-pengantara moral bagi satu masyarakat yang berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang kebudayaan dan mengenai kegunaan undang-undang tersebut bagi tujuan ini.

Saya juga suka mengesyorkan agar Kerajaan sekiranya ingin meneruskan perkara ini adalah lebih adil dan membina menganggap unit keluarga dan sistem persekolahan sebagai institusi-institusi di mana usaha memperbaiki moral dan menjaga moral dilakukan dengan lebih berguna.

Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya saya mengalu-alukan satu kenyataan yang jelas daripada Kerajaan mengenai kedudukannya dalam perkara ini.

Tuan Yang Dipertua, bidang kedua dalam kegiatan Kerajaan yang ingin saya sentuh ialah berhubung dengan prinsip, tanggungjawab atau dengan izin principle of accountability. Memang tidak dapat kita nafikan bahawa Kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir bertanggungjawab kepada prinsip yang dibawa ini di

mana amanah orang ramai diperlukan dan di mana wang orang ramai dibelanjakan, semua ini mestilah diterangkan kepada orang ramai. Sedikit sebanyak ini menerangkan mengapa Laporan-laporan Ketua Odit Negara dikemukakan kepada Dewan ini dan orang ramai. Tetapi untuk menjadikan bermakna laporan-laporan yang dikemukakan kepada kita seeloknya biarlah semasa tidak banyak yang boleh dilakukan dengan mengemukakan kepada Dewan akaun-akaun bagi tahun-tahun awal 70-an, mengapakah laporan-laporan ini terlalu lewat Tuan Yang Dipertua? Adakah ia dicetak kerana terpaksa dicetak atau adakah ia disediakan kerana pihak-pihak berkuasa awam mesti bertanggungjawab atas tindakan-tindakan mereka dan juga bagi cara mereka membelanjakan wang orang ramai.

Saya berharap Kerajaan dapat memberikan penjelasan. Saya juga harap Tuan Yang Dipertua, Kerajaan dapat memberitahu kita apa tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang buat tidak tahu mengenai keadaan ini di masa lampau dan apakah tindakan yang akan diambil pada masa depan.

Tuan Yang Dipertua, terdapat satu lagi bidang di mana wang orang ramai dibelanjakan, tetapi tidak ada akaun bagaimana ia digunakan. Yang saya maksudkan ialah pertubuhan-pertubuhan seperti PETRONAS, MAS dan MISC. Adakah salah jika akaun-akaun pertubuhan-pertubuhan ini dikemukakan kepada Parlimen dan kepada orang ramai. Perlu kita ingatkan bahawa wang orang ramai terlibat.

Sekali lagi saya menyeru Kerajaan menentukan bahawa sebagai satu perkara dasar akaun tahunan, semua pertubuhan yang mentadbirkan wang orang ramai mestilah dikemukakan kepada orang ramai.

Tuan Yang Dipertua, cadangan ketiga yang ingin saya mengemukakan kepada Kerajaan di sini ialah di mana dan apabila mungkin Kerajaan hendaklah mendapatkan penglibatan orang ramai dalam merumuskan dasar untuk orang ramai. Dalam perkara ini perbincangan-perbincangan terbuka yang dijalankan oleh Pihak berkuasa Bandaraya di ibunegara untuk mendengar pendapat pihak-pihak yang berminat mengenai deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur telah menyumbang kepada tujuan yang penting.

Kementerian Kewangan juga mendapatinya berguna untuk mendapatkan nasihat pertubuhan-pertubuhan sektor swasta sebelum menyiapkan belanjawan. Perundingan begini amat berguna dalam membantu menerangkan isu-isu atau clarify the issues, mentakrifkan pemilihan dan memberikan penekanan yang wajar kepada pandangan-pandangan yang bersaing. Saya sukar menyeru.....

Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang hendak menamatkan ucapan sekarang atau hendak menyambung lagi ucapan pada hari besok?

Tuan H'ng Hung Yang: Saya harap besok boleh menyambung.

Timbalan Yang Dipertua: Ya.

Tuan H'ng Hung Yong: Suka menyambung.

Timbalan Yang Dipertua: Menyambung. jadi saya minta Ahli Yang Berhormat akan menyambung ucapan ini pada hari besok.

Tuan H'ng Hung Yong: Terima Kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 21-12-82.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.